Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: ..............
No Perolehan: ..............
Tarikh: ..............

# ETNISITI DAN PERSEKOLAHAN CINA: KAWASAN LARKIN, JOHOR BAHRU

TAI SUI HUAT @ PETER

No.Matrik: 57608

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sessi 1991/92

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

## Penghargaan

Yang pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah saya, Prof.Madya Dr.Muhammad Ikmal Said yang telah banyak membantu, menyemak serta memberi pandangan dan nasihat beliau dalam penyediaan latihan ilmiah ini.

Rakaman terima kasih ditujukan juga kepada Prof. Madya Dr.Rokiah Talib yang telah menyumbangkan ide dalam pendekatan untuk mendapatkan responden semasa lawatan beliau ke Johor Bahru.

Tidak ketinggalan juga pihak-pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak dalam penyiapan latihan ilmiah ini, mereka termasuk En.Gan Soo Pek, En.Yahya Moktharam, Cik Hee Siew Ching, En.Chua, Cik Chang Lai Fan dan En.Goh Sia Boon.

Akhir sekali kepada para responden yang telah sudi ditemuramah dan yang menjawab borang soal-selidik, serta pihak-pihak lain yang terlibat dan tidak sempat disebut satu per satu. Sumbangan sekalian amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.



Tai Sui Huat @ Peter
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1991/92

## Sinopsis

Latihan ilmiah ini bertujuan untuk mengenal-pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan aliran pendidikan untuk kumpulan etnik Cina di kawasan perumahan Larkin, Johor Bahru. Sambil itu, satu tinjaun perbandingan di antara ibubapa yang memilih pendidikan Cina dan Kebangsaan juga dikaji bagi tujuan pemahaman yang lebih mendalam dari segi aspek sentimen identiti, latarbelakang sosialisasi dan jaringan hubungan sosial mereka.

Latihan ilmiah ini mengandungi tujuh bab kesemuanya. Bab pertama merupakan Bab Pengenalan kepada persoalan perbezaan di antara pendidikan Cina dan Kebangsaan, termasuk juga huraian kepada kaedah dan jenis penyelidikan yang dikendalikan.

Bab Dua pula merupakan bahagian penerangan kepada konsep-konsep yang digunakan dengan hipothesis-hipothesis yang disarankan serta ciri-ciri latarbelakang umum para responden .

Bab Tiga pula melihat kepada sejarah perkembangan kependudukan serta pendidikan Cina yang telah berlaku di Malaysia. Pendidikan Cina semasa di Johor Bahru juga dilihat dengan tumpuan khas kepada dua buah sekolah yang dipilih sebagai sampling-frame kajian; iaitu S.R.J.K. Cina Foon Yew 3 dan S.R.K. Larkin 1 & 2.

Bab Empat melihat kepada sentimen identiti etnik yang dipegang oleh responden. Indeks yang digunakan untuk menguji sentimen ini meliputi indeks budaya, ekonomi dan politik.

Bab Lima pula meninjau latar-belakang responden, dari segi corak pendedahan interaksi antara etnik di tempat dilahirkan dan

diperbesarkan serta peringkat pendidikan. Pendedahan kepada media massa menurut aliran bahasa juga dikaji.

Aspek hubungan jaringan sosial semasa responden berdasarkan corak tipologi pendedahan dan interaksi di peringkat kawasan ke-pendudukan dan kerja dikaji dalam Bab Enam.

Akhir sekali Bab Tujuh merupakan bab kesimpulan dengan menyimpulkan segala penemuan dalam kajian latihan ilmiah ini.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan ............................................ i
Sinopsis ............................................... ii
Isi Kandungan .......................................... iv
Senarai Jadual ......................................... vii

Bab Satu: Pengenalan

1.1 Pendahuluan ........................................ 1

1.2 Objektif Kajian .................................... 7

1.3 Skop Kajian ........................................ 8

1.4 Sampel ............................................. 8

1.5 Metodologi ......................................... 9
1.5.1 Temuduga Biasa ................................... 10
1.5.2 Tinjauan Melalui Pos ............................. 10
1.5.3 Kajian Perpustakaan dan Dokumen .................. 10
1.5.4 Temuramah Informan Penting ....................... 11

1.6 Masalah dan Limitasi Kajian ........................ 11

Bab Dua: Pendekatan dan Hipotesis

2.1 Pendekatan Kajian .................................. 14

2.2 Dimensi Sentimen Identiti Etnik .................... 14
2.2.1 Identiti Etnik Cina di Malaysia .................. 16
2.2.2 Hipotesis Sentimen Identiti Etnik ................ 17

2.3 Dimensi Aspek Sosialisasi .......................... 18
2.3.1 Hipotesis Aspek Sosialisasi ...................... 19

2.4 Dimensi Hubungan Jaringan Sosial ................... 20
2.4.1 Hipotesis Hubungan Jaringan Sosial ............... 22

2.5 Analisis Umum Latarbelakang Responden .............. 22
2.5.1 Jantina dan Taburan Umur ......................... 23
2.5.2 Pekerjaan ........................................ 24
2.5.3 Majikan .......................................... 26
2.5.4 Pendapatan ....................................... 27
2.5.5 Agama ............................................ 29
2.5.6 Bahasa Pengantar Borang Soal Selidik ............. 29

2.6 Kesimpulan ......................................... 30

Bab Tiga : Pendidikan Cina dan Sistem Pelajaran di Malaysia

3.1 Kemunculan Kumpulan Etnik Cina di Pesekutuan Tanah Melayu ............................................ 32

3.2 Ciri-ciri Kependudukan Cina di Malaya Sebelum Perang Dunia II .................................. 33

3.3 Komuniti Cina Malaya Menjelang Kemerdekaan .. 35

3.4 Masyarakat Cina Malaysia Kini ................ 37

3.5 Pendidikan Cina dan Sistem Pelajaran Malaysia ...................................... 38

3.6 Sekolah Cina Awal di Persekutuan Tanah Melayu ................................. 38

3.7 Permulaan Campurtangan British Dalam Pendidikan Cina ............................... 40

3.8 Kearah Pembentukkan Polisi Pelajaran di Malaya .................................... 43

3.9 Laporan Barnes ................................ 43

3.10 Laporan Fenn-Wu ............................. 45

3.11 Laporan Razak ................................ 45

3.12 Laporan Rahman Talib ....................... 47

3.13 Reaksi Komuniti Cina Terhadap Dasar Pelajaran ............................ 47

3.14 Pendidikan Cina di Malaysia Kini ........... 52

3.15 Pendidikan di Johor Bahru, Johor ........... 53

3.16 Penjelasan Penambahan Murid di S.R.J.K.C. di Johor Bahru .............................. 55

3.17 Kesimpulan .................................... 55

Bab Empat : Sentimen Identiti

4.1 Pengenalan ........................................ 57

4.2 Indeks Norma Budaya ........................... 58
4.2.1 Bahasa ....................................... 59
4.2.2 Agama ........................................ 64

4.3 Indeks Ekonomi ................................. 65
4.3.1 Kerjaya ...................................... 65
4.3.2 Majikan ...................................... 67

4.4 Norma Politik ................................... 68
4.4.1 Parti Politik Cina ........................ 68
4.4.2 Pendidikan ................................... 70

4.5 Kesimpulan .............................................. 76

Bab Lima : Aspek Sosialisasi

5.1 Pengenalan .............................................. 78

5.2 Sosialisasi Dari Aspek Latar-belakang Responden .............................................. 79

5.3 Sosialisasi Dari Aspek Pendidikan Responden .............................................. 80

5.4 Sosialisasi Dari Aspek Pendedahan Media-Massa .............................................. 84

5.5 Sosialisasi Dengan Pemilihan Aliran Pendidikan .............................................. 90

5.6 Kesimpulan .............................................. 92

Bab Enam : Hubungan Jaringan Sosial

6.1 Pengenalan .............................................. 94

6.2 Pendedahan Antara Etnik .............................................. 94

6.2.1 Fungsi dan Penemuan Tipologi Pendedahan Antara Etnik .............................................. 98

6.3 Hubungan Jaringan Sosial Kawasan Tempat Tinggal .............................................. 101

6.4 Hubungan Jaringan Sosial Tempat Kerja .............................................. 103

6.5 Hubungan Jaringan Sosial Keanggotaan Pesatuan Sosial .............................................. 104

6.6 Kesimpulan .............................................. 106

Bab Tujuh : Penutup .............................................. 107

Bibliografi .............................................. 112

Lampiran .............................................. 116

SENARAI JADUAL

1.1 Jumlah Responden & Bilangan Responden Yang Menjawab Borang Soal-Selidik
2.1 Jantina & Taburan Umur Responden
2.2 Jenis Pekerjaan Responden
2.3 Jenis Majikan Responden
2.4 Kategori Pendapatan Responden
2.5 Agama Responden
2.6 Bahasa Yang Digunakan Untuk Menjawab Borang Soal Selidik
3.1 Anggaran Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Etnik 1990
3.2 Imbangan Jantina Wanita Kepada Setiap 1,000 Orang Lelaki Cina Malaya/Malaysia Dari 1921-1970
3.3 Jenis-jenis Sekolah Vernakular Cina di Persekutuan Tanah Melayu 1947
3.4 Bantuan Kewangan Persekutuan Kepada Sekolah-sekolah Cina 1924-1938
3.5 Pola Pendaftaran di Sekolah Rendah Bantuan Melayu, Inggeris, dan Cina dari 1947-1975
3.6 Bilangan Murid Mengikut Jenis Sekolah di Johor Bahru 1989 dan 1991
3.7 Bilangan Murid Mengikut Kumpulan Etnik Sekolah-sekolah S.R.K.Larkin 1 & 2, dan S.R.J.K.C.Foon Yew 3 & 5, 1991
4.1 Persepsi Simbol Utama Etnik Cina
4.2 Persepsi Dialek Identiti Cina
4.3 Bahasa Pertuturan di Rumah
4.4 Bahasa Yang Dirasakan Penting Untuk Pendidikan dan Kerjaya
4.5 Persepsi Agama Identiti Cina
4.6 Persepsi Ekonomi Identiti Cina
4.7 Majikan Yang Dipersepsikan Sebagai Lebih Memberi Peluang
4.8 Persepsi Politik Identiti Cina
4.9 Pengetahuan dan Persetujuan Dasar Pendidikan Nasional
4.10 Kesedaran Adanya Kelas P.O.L.
4.11 Persetujuan Penyerapan Budaya Cina ke Dalam Dasar Pendidikan
4.12 Sekolah Yang Dipersepsikan Sebagai Lebih Berkualiti
5.1 Ciri Tempat Lahir dan Diperbesarkan Responden
5.2 Pendidikan Tertinggi Responden
5.3 Bahasa Pengantar di Sekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi Responden
5.4 Suratkhabar Yang Dilanggani
5.5 Bahasa Drama, Berita, Rencana dan Hiburan Yang Digemari
5.6 Jumlah Anak Yang Masih Bersekolah
5.7 Jumlah Anak Yang Bersekolah Rendah, Menengah, dan Pengajian Tinggi
5.8 Bahasa Pengantar Sekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi Anak-anak Responden
6.1 Pola Jaringan Sosial Responden Pada Tahap Persekolahan dan Pekerjaan
6.2 Hubungan Jaringan Sosial Kawasan Kependudukan
6.3 Hubungan Jaringan Sosial Dalam Kerjaya
6.4 Hubungan Jaringan Sosial Dalam Penyertaan Persatuan

# BAB SATU

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Sejarah sistem pendidikan di Malaysia adalah hasil kesan penjajahan Inggeris. Kewujudan dan bentuk sekolah-sekolah vernakular Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil adalah kesan langsung dari itu. Setiap aliran vernakular ini dikendalikan secara berasingan, dan untuk tujuan-tujuan berlainan(1). Walaupun sistem yang berbagai ini tidak menimbulkan sebarang masalah dalam urusan masing-masing(2), namun ia telah menyediakan satu tapak di mana setiap kelompok etnik mendiri dan mengendalikan sekolah masing-masing, tanpa penyelarasan dari pihak pentadbir. Ini mengakibatkan sebilangan besar masyarakat tempatan tidak mempunyai sikap kesetiaan kepada Malaya(3).

Bagi masyarakat Cina pada zaman kolonial, kedatangan mereka sebelum Perang Dunia Kedua di Malaya adalah berbentuk 'sementara'. Tujuan utama masyarakat Cina ialah untuk mencari dan mengumpulkan seberapa banyak harta yang boleh, dan kembali ke negeri China(4). Oleh kerana mereka tidak ingin bermastautin secara tetap, pentadbir Inggeris tidak menghiraukan kegiatan sekolah-sekolah Cina sebelum 1920-an(5). Segala kemudahan untuk pembelajaran di sekolah Cina disedia serta dikendalikan sepenuhnya oleh masyarakat itu sendiri. Oleh demikian, pendidikan Cina di Persekutuan Tanah Melayu hanya mengorientasikan latar-belakang

---

1. Haris Md.Jadi, 'Etnik, Politik dan Pendidikan', K.L., D.B.P., 1990, ms. 10-17
2. Ho, Seng-Ong, 'Education for Unity in Malaya', MTU, Penang, 1952, ms. 58
3. Ibid., ms. 99
4. Haris, op. cit., ms. 7
5. Ibid., ms. 14

China, yang mana telah membawa kesan ke atas identiti etnik ke-China-an yang kuat. Ini kerana;

i. semua buku teks diimport dari China, dengan kandungan teks yang hanya menumpukan kepada negeri itu,
ii. proses pembelajaran cara tradisional; iaitu dengan menghafal sajak-sajak kuno China, dan
iii. guru-guru terdiri daripada mereka yang dilahirkan di China, yang tidak mempunyai latihan dan pengetahuan akademik yang mencukupi untuk mengajar. Tambahan pula, mereka mempengaruhi pemikiran generasi muda Cina di sini dengan pandangan luar dan dunia mereka(6).

Pendidikan Cina di waktu penjajahan Inggeris tidak mencerminkan ciri-ciri tempatan kerana kurikulum yang ditawarkan tidak menanam kesedaran kebangsaan Malaya(7). Ini menurut Purcell, menyebabkan mereka yang berpendidikan Cina `purely and simply Chinese'(8).

Sekolah vernakular Inggeris pula dikendalikan pada awalnya oleh mubaligh Kristian bagi tujuan penyebaran agama(9). Ia menyediakan alternatif kepada sebahagian daripada murid-murid bangsa Cina untuk memperoleh pendidikan Inggeris. Berbeza dengan pendidikan Cina, kurikulum sekolah Inggeris berteraskan latarbelakang kedua-dua negeri England dan Malaya (sila lihat Lampiran 1A untuk kurikulum pendidikan Inggeris). Dengan cara tidak langsung, sekolah vernakular Inggeris telah berjaya, menurut Purcell, membentuk satu pandangan luar yang lebih bercorak `Malayan' di kalangan murid-muridnya(10). Sekolah-sekolah vernakular Inggeris pada umumnya mempunyai status sosial yang lebih tinggi dan lebih elit. Kurikulumnya diseragamkan dengan kurikulum Cambridge di Britain.

6. Loh, Fook-Seng, `Seeds of Seperatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940', Oxford Univ.Pr., K.L., 1975, ms. 36
7. Purcell, V., `Malaya: Outline of a Colony', O.U.P., K.L., ms. 102
8. Purcell, V., `The Chinese in Malaya', O.U.P., K.L. 1967, ms. 222
9. Haris, op. cit., ms. 17
10. Purcell, op. cit., ms. 222

Pada keseluruhannya ia merupakan satu kaedah untuk mencapai mobiliti sosial yang utama pada waktu itu(11).

Bagi komuniti Cina pada ketika itu, dua alternatif aliran bahasa pendidikan ini terbuka kepada mereka. Latar-belakang, kurikulum, cara pembelajaran dan pandangan luar murid-murid di antara kedua-dua aliran itu mencorakkan identiti etnik yang berbeza. Chai Hon-Chan telah menyebut tentang pengasingan setiap kumpulan etnik dengan corak sosial dan budaya yang berlainan di Malaya hasil dari pendidikan vernakular yang berlainan; peranan pendidikan Inggeris telah membahagikan kumpulan yang terpisah itu. Mereka yang berpendidikan Inggeris dan yang berpendidikan Cina mempunyai perbezaan sosial yang sangat berlainan sekali(12).

Perbezaan bahasa pengantar pendidikan Cina dan Inggeris dengan jelas mempengaruhi kesedaran identiti etnik di kalangan masyarakat Cina di Malaya. Menurut Prof. Wang Gung-Wu, mereka yang hanya menerima pendidikan Cina adalah mereka yang ingin mengekalkan budaya dan identiti Cina. Golongan ini mengutamakan kepentingan Cina, tanpa sedar terhadap realiti sejarah dan politik Malaya. Mereka inilah yang merupakan 'pejuang maut' (die-hard fighters) untuk pendidikan dan kebudayaan Cina. Sebahagian daripada mereka bersikap 'chauvinist'. Manakala mereka yang hanya berpendidikan Inggeris pula tidak kuat pegangan identiti etnik Cina, kerana mereka lebih bersikap 'intergrationists', yang lebih memikirkan persoalan keadilan dan kesamaan sosio-ekonomi, bukan

---

11.Haris, op. cit., ms. 18
12.Chai, Hon-Chan, 'Education and Nation Building in Plural Societies:The West Malaysian Experience',Canberra,1977,ms. 27

hanya kepada persoalan budaya Cina(13). Kedua-dua keadaan ekstrim ini adalah hasil sosialisasi dari jenis aliran bahasa pendidikan yang berlainan itu.

Menurut Dr. Tan Chee Beng pula, perbezaan nilai dan 'world view' di antara mereka yang berpendidikan Cina dan Inggeris adalah nyata sekali. Mereka yang berpendidikan Cina, lebih fasih dalam pengetahuan falsafah, kesusasteraan, muzik, budaya tradisi, etika, sejarah dan tamadun China melalui pembacaan teks Cina. Sementara mereka yang berpendidikan Inggeris hanya dapat bergantung kepada penulisan bahasa Inggeris yang telah dikemukakan dengan pandangan Barat untuk pengetahuan yang sama(14). Begitu juga halnya dengan pendedahan kepada media massa yang berbeza bahasa, pendapat dan sebagainya(15).

Segala ini menunjukkan adanya pandangan-luar yang berbeza di antara mereka yang berpendidikan Inggeris dan Cina. Pandangan luar yang berbeza ini tentunya mempunyai implikasi terhadap pegangan identiti etnik. Mereka yang berpendidikan Cina lebih berpegang kepada pengekalan ciri-ciri budaya Cina dan enggan mengadaptasi, selaras dengan keadaan sosial dan politik di Malaya(16), manakala mereka yang menerima pendidikan Inggeris pula lebih sensitif terhadap keperluan adaptasi ini, seperti mana yang diketengahakan oleh Prof. Wang Gung-Wu.

Selepas Malaya mencapai kemerdekaan, sehinggalah kini, per-

---

13.Tan,Chee-Beng,'Nation Building and Being Chinese in a Southeast Asian State:Malaysia',dalam Journal of Southeast Asia Studies, ms. 147
14.Loc.cit.
15.Ibid.,ms. 148
16.Ibid.,ms. 153

bezaan ini masih wujud lagi di antara mereka yang berpendidikan Cina dan Inggeris. Sekolah vernakular Inggeris terakhir ditukar menjadi sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Semenanjung Malaysia pada tahun 1975. Peralihan bahasa pengantar sekolah-sekolah Inggeris telah dilakukan bertahap-tahap mulai 1970 (lihat Lampiran 1B). Ini adalah di antara langkah-langkah kerajaan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di semua sekolah kebangsaan(17). Untuk sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil pula, masing-masing masih lagi mengguna bahasa pengantar ibunda Mandarin dan Tamil. Akibat dari 'conversion' ini, komuniti Cina pada keseluruhannya tidak berminat mendaftar anak-anak mereka di sekolah-sekolah Kebangsaan pada akhir tahun 60-an dan awal 70-an, dan sebaliknya mendaftar secara besar-besaran di sekolah-sekolah Cina(18). Fenomena ini boleh dijelaskan dengan sikap, yang mana menurut Dr.Tan Chee Beng sebagai 'defensive psychology'; iaitu komuniti Cina mempersepsikan polisi kerajaan sebagai menekan kepentingan mereka, dan mereka (khasnya pendidik Cina) harus mempertahankan identiti etnik Cina, dan salah satu caranya ialah dengan mempertahankan pendidikan Cina(19).

Walaupun kandungan kurikulum dan peperiksaan di sekolah-sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan diseragamkan, tetapi masih wujud kesedaran identiti etnik yang jelas di kalangan murid-murid Cina yang berpendidikan Jenis Kebangsaan Cina. Hoo Lai Lai umpamanya telah menunjukkan dalam kajiannya bahawa per-

17.Ambrin Buang(ed.),'Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia',INTAN, K.L.,1990, ms. 80
18.Chai, Hon-Chan, op. cit., ms. 32
19.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 145

bezaan kesedaran identiti etnik adalah lebih kuat di kalangan mereka yang berpendidikan Cina berbanding dengan mereka yang berpendidikan Kebangsaan. Contohnya, mereka yang berpendidikan Cina lebih cenderung untuk bersikap negatif terhadap mereka yang tidak tahu berbahasa Mandarin, yang menggunakan Bahasa Malaysia dalam perbualan di antara mereka. Mereka yang berpendidikan Kebangsaan lebih bersikap terbuka dalam hal-hal sedemikian(20). Begitu juga dengan corak pergaulan antara kaum, di mana mereka yang berpendidikan Cina kurang bergaul dengan individu dari kumpulan etnik lain. Sebaliknya mereka yang berpendidikan kebangsaan pula lebih mudah berinteraksi dengan individu-individu dari kumpulan etnik yang lain(21)

Huraian di atas mencadangkan bahawa perbezaan bahasa pengantar boleh mendatangkan impak dari segi hubungan etnik yang berlainan. Murid-murid yang terdidik dalam sekolah vernakular mempunyai identiti etnik yang tidak sama dengan mereka yang menerima pendidikan kebangsaan. Murid-murid Cina yang berpendidikan Cina mempunyai identiti etnik yang lebih tinggi, iaitu mereka lebih bersifat 'ke-Cina-an'.

Keadaan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan masalah identiti kerana ia kelihatan berbeza dari identiti nasional yang cuba dipupuk melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan. Di antara objektif utama dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah untuk melahirkan masyarakat yang bersepadu, berdisplin dan terla-

20.Hoo, Lai-Lai,'Hubungan Etnik di Universiti Malaya: Satu Penilitian Terhadap Sikap Pelajar-Pelajar Cina',Latihan Ilmiah,Jab.Antropologi & Sosiologi,U.Malaya 1988/89,ms. 103
21.Ibid., ms. 109

tih(22). Hasrat untuk melahirkan masyarakat bersepadu telah tergugat memandangkan lebih daripada 85% pelajar-pelajar Cina sekolah rendah di Malaysia didaftarkan di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina(23). Ini seterusnya menghalang serta mempertingkatkan segregasi di antara kumpulan etnik yang berlainan.

Perbincangan di atas juga menampakkan wujudnya perhubungan di antara pendidikan dan peranannya dalam intergrasi kaum di Malaysia, kerana kanak-kanak yang tidak dididik bersama sukar membentuk satu pandangan luar yang sama(24).

## 1.2 Objektif Kajian

Oleh kerana masyarakat Cina kini lebih cenderung memilih pendidikan bahasa pengantar Cina dari Bahasa Malaysia, maka tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan aliran bahasa pendidikan. Kajian ini juga akan melihat perbezaan-perbezaan, jika ada, di antara ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina dan yang menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan, melalui tiga dimensi; iaitu dari aspek sentimen identiti, sosialisasi dan jaringan sosial ibubapa itu sendiri.

Kajian ini akan cuba menghuraikan mengapa seseorang ibubapa atau penjaga memilih aliran sesuatu bahasa pengantar bagi anak-anak mereka, serta bagaimana faktor-faktor situasi budaya, penempatan, politik dan ekonomi mempengaruhi pemilihan ini.

22.Ambrin Buang, op. cit., ms. 80
23.Ling, Liong-Sik, et al.,'The Future of Malaysian Chinese', M.C.A.Press,P.J.,1988, ms. 99
24.Nicholson,M.'Self Government and the Communal Problem', ms. 7

## 1.3 Skop Kajian

Unit analisis kajian ini terhad kepada ibubapa yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah di peringkat rendah di kawasan perumahan Larkin, Johor Bahru. Kawasan ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan kemudahan pengendalian kajian. Kawasan ini juga amat sesuai kerana terdapat kedua-dua buah sekolah Jenis Kebangsaan Cina Foon Yew No. 3 & 5, dan sekolah Kebangsaan Larkin 1 & 2; yang bertindak sebagai kumpulan kawalan.

## 1.4 Sampel

Pemilihan sampel adalah secara rawak. Tumpuan adalah terhadap ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah S.R.J.K.C. Foon Yew No. 3 dan S.R.K. Larkin No. 1 dan 2. Dua kelas telah dipilih dari sekolah Foon Yew 3, ibubapa yang mempunyai anak-anak yang menuntut di kelas 3B dan 5B telah dipilih untuk menjadi responden kajian ini. Manakala untuk kumpulan kawalan di sekolah S.R.K. Larkin 1 dan 2. Para responden dipilih secara rawak. Ibubapa yang menghantar anak-anak ke S.R.K. Larkin 1 dan 2 dipilih kerana bilangan murid-murid berbangsa Cina di sekolah kebangsaan ini adalah terlalu kecil. Sek. Ren. Keb. Larkin 1 mempunyai jumlah 870 murid, tetapi hanya 27 orang (3.1%) sahaja murid bangsa Cina (pecahan bilangan murid mengikut kaum untuk sekolah-sekolah ini sila lihat Jadual 3.7 di Bab Tiga). Manakala untuk S.R.K. Larkin 2, daripada sejumlah 968 orang murid, hanya 17 orang (1.8%) sahaja murid Cina.

Selain dari responden sekolah ini, keluarga yang tinggal di kawasan perumahan Larkin yang mempunyai anak-anak yang bersekolah di sekolah-sekolah tersebut juga diambil sebagai responden.

Keseluruhan responden yang diperolehi untuk kajian ini ialah seramai 49 orang; 36 orang responden terdiri dari mereka yang menghantar anak-anak ke S.R.J.K.C Foon Yew 3 (Responden A) dan 13 orang menghantar anak-anak ke S.R.K.Larkin 1 & 2 (Responden B). Untuk memudahkan pemahaman analisis, responden yang menghantarkan anak-anak ke S.R.J.K.C. Foon Yew 3 diklasifikasikan sebagai Responden 'A' dan responden yang mendaftarkan anak-anak di S.R.K. Larkin 1 dan 2 pula sebagai Responden 'B'. Responden A dan B diperolehi dari berikut:

Jadual 1.1:Jumlah Responden & Bilangan Responden Yang Menjawab Borang Soal-selidik(B.S.S.)

| | |
|---|---|
| **Responden A (S.R.J.K.C. Foon Yew 3)** | **Bil. ( %)** |
| 1.Jumlah responden(ibubapa) dari kelas 3B | 48 (100) |
| Jumlah responden yang menjawab B.S.S. | 17 (35) |
| 2.Jumlah responden(ibubapa) dari kelas 5B | 46 (100) |
| Jumlah responden yang menjawab B.S.S. | 13 (28) |
| 3.Jumlah responden yang ditemuduga (Kg. Larkin Garden) | 6 |
| (Jumlah Responden A) | 36 |
| **Responden B (S.R.K. Larkin 1 & 2)** | |
| 1.Jumlah responden(ibubapa) dari Larkin 1 | 27 (100) |
| Jumlah responden yang menjawab B.S.S. | 8 (30) |
| 2.Jumlah responden(ibubapa) dari Larkin 2 | 17 (100) |
| Jumlah responden yang menjawab B.S.S. | 5 (29) |
| (Jumlah Responden B) | 13 |

## 1.5 Metodologi

Untuk kajian ini, empat metodologi telah digunakan iaitu; temuduga biasa, tinjauan melalui pos, kajian perpustakaan dan dokumen serta temuramah dengan informan-informan penting.

### 1.5.1 Temuduga Biasa

Temuduga biasa telah dikendalikan pada peringkat awal kajian di kawasan perumahan Larkin. Temuduga dikendalikan dengan berpandukan borang soal selidik yang telah disediakan (Lampiran 1C). Namun, kaedah ini kurang berjaya kerana 'bakal-bakal' responden enggan memberi kerjasama. Dari sejumlah 24 buah rumah yang dikunjungi, hanya 7 buah sahaja yang sanggup ditemuduga.

### 1.5.2 Tinjauan Melalui Pos

Kaedah ini digunakan untuk mengganti kaedah pertama di atas memandangkan bilangan responden yang hendak bekerjasama terlalu kecil. Kaedah ini telah melibatkan kedua-dua kelas 3B dan 5B di sekolah S.R.J.K.C. Foon Yew 3. Borang soal selidik dikirimkan melalui murid-murid untuk dibawa balik untuk diisikan oleh ibu-bapa. Kadar response melalui kaedah ini agak memuaskan di mana 36 daripada 94 orang responden telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik. Untuk kumpulan kawalan, kedua-dua S.R.K.Larkin 1 & 2, response juga amat memuaskan kerana 13 daripada 44 orang responden telah menjawab borang soal selidik yang dikirimkan.

### 1.5.3 Kajian Perpustakaan dan Dokumen

Ini merupakan kaedah yang paling dasar untuk penyelidikan, iaitu selain daripada kajian penulisan bercetak di perpustakaan, dokumen-dokumen dari Jabatan Kerajaan juga menyediakan sumber data yang penting. Di antara jabatan yang telah dibuat kajian dokumen ialah Jabatan Perangkaan Negeri Johor dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

1.5.4 Temuramah Informan Penting

Informan-informan yang dianggap penting yang mana telah saya temuramah terdiri daripada Cik Hee Siew-Ching, seorang guru di sekolah Foon Yew 3 dan En.Ng, Penolong Kanan sekolah yang sama. En.Chua, guru Hal Ehwal Murid sekolah Larkin 1 dan Tuan Haji Azhar Ibrahim, pengetua sekolah Larkin 2 juga banyak memberi penjelasan tentang corak pendaftaran murid-murid di sekolah masing-masing. Tuan Hj. Yaakob Abd. Ghani, Ketua Bahagian Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah memberi pandangan beliau tentang trend pendaftaran murid-murid Cina di sekolah Cina di negeri Johor.

1.6 Masalah dan Limitasi Kajian

Memandangkan kajian ini berbentuk kajian sikap (attitudinal) ia hanya terhad kepada pendapat dan pendirian responden terhadap persoalan pemilihan aliran bahasa pendidikan. Dengan jumlah responden yang agak kecil ini, iaitu hanya seramai 49 orang, maka penemuan-penemuan kajian ini tentunya tidak dapat digeneralisasikan. Antara lain, ini kerana fenomena pendedahan kepada media massa elektronik yang berbahasa Mandarin yang disiarkan menerusi Singapore Broadcasting Coperation (S.B.C.) hanyalah satu fenomena yang berlaku di selatan negeri Johor sahaja. Peluang ini tidak terdapat di tempat-tempat lain. Ekses terhadap pendedahan ini mungkin dapat mempengaruhi sikap responden, berbanding dengan mereka yang tidak menerima siaran S.B.C. ini.

Selain itu, faktor persepsi kepentingan Mandarin sebagai 'lingua franca' di kawasan Johor Bahru memang sangat nyata sekali. Ini berbeza dengan kawasan-kawasan lain, di mana bahasa

dialek (contohnya di Kuala Lumpur, Kantonis, dan Pulau Pinang, Hokkien) menjadi 'lingua franca' di kalangan kaum Cina. Walaupun kumpulan Teochew merupakan kumpulan terbesar di Johor Bahru, namun dialek ini jarang digunakan di luar perbualan keluarga atau saudara mara. Keutamaan Mandarin di Johor Bahru adalah kesan langsung pengaruh dari Singapura. Sekali lagi, ini menunjukkan limitasi kajian ini. Perbincangan hanya terhad kepada sekitar situasi yang menganggap Mandarin sebagai dialek utama. Ini tidak dapat digunakan di kawasan yang tidak menganggap demikian.

Persepsi-persepsi yang melibatkan pendidikan, pekerjaan dan bahasa, khasnya Mandarin dan Inggeris, adalah di antara lain, faktor pengaruh negeri jiran Singapura. Segala ini telah menghadkan lagi validiti kajian hanya kepada kawasan yang menerima pengaruh ini. Mungkin penemuan yang serupa akan terdapat di kawasan lain yang tidak menerima pengaruh kehadiran Singapura ini, namun selagi tiada replikasi kajian ini, selagi itu tidak dapat tentukan sama ada hasil penemuan kajian ini boleh digunakan untuk generalisasi yang lebih luas.

Satu lagi kekurangan kajian ini ialah jumlah responden yang memilih pendidikan Kebangsaan terlalu sedikit untuk membuat perbandingan yang jitu. Keenganan pihak ibubapa berkerjasama menjawab borang soal selidik membuktikan syak wasangka(25) yang diperolehi oleh responden kajian ini. Unit analisis adalah terdiri sepenuhnya dari para responden etnik Cina di kawasan bandar;

---

25. Cheu Hock Tong, 'Syak Wasangka Sebagai Suatu Masalah Dalam Kajian Luar', dlm Wan Hashim, Ting Chew Peh, Shamsul Amri Baharuddin (ed.), '<u>Kaedah Penyelidikan Sosial</u>', K.L., D.B.P., 1980 ms. 68

yang mana menurut Cheu Hock Tong, adalah golongan yang mempunyai kadar syak wasangka yang tertinggi(26). Keraguan ini jelas dalam usaha pengkaji untuk mendapatkan responden melalui kaedah temu-bual. Keenganan berkerjasama dari ibubapa nyata menunjukkan sikap syak wasangka mereka.

---

26.Cheu, Hock-Tong, op. cit., ms. 68

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

# BAB DUA

# PENDEKATAN DAN HIPOTESIS

## 2.1 Pendekatan Kajian

Seperti yang dinyatakan di Bab Satu, kajian ini • mengguna tiga dimensi untuk menentukan faktor-faktor pengaruh dalam pemilihan aliran bahasa pendidikan untuk anak-anak.

Dimensi pertama melihat sentimen identiti etnik yang dipegang oleh ibubapa. Dimensi kedua pula memberi perhatian kepada aspek sosialisasi ibubapa itu sendiri. Dimensi ketiga akan ditumpukan kepada aspek jaringan hubungan sosial semasa ibubapa.

## 2.2 Dimensi Sentimen Identiti Etnik

Dimensi ini cuba melihat faktor-faktor yang menjadi pegangan atau sikap (attitude) para responden terhadap kepentingan identiti etnik; iaitu pendirian mereka tehadap apa yang dikatakan sebagai identiti etnik Cina.

Sentimen dalam erti seharian membawa maksud `sesuatu sikap yang berdasarkan hasil gabungan berbagai pemikiran dan perasaan'(1).

Apa yang dimaksudkan dengan sikap pula ialah `sesuatu generalisasi umum yang berkekalan terhadap manusia, perkara atau isu-isu lain'(2). Sikap membolehkan seseorang itu menilai pengalaman diri dengan kesan baik atau buruk kepada sesuatu perkara atau manusia, dan dengan ini, mencorak kelakuan seseorang itu untuk membolehkannya mempunyai kelakuan yang tertentu(3).

---

1. Cobuild, Collins, `English Language Dictionary', G.Britain, Richard Clay Ltd., 1987, ms. 1317
2. Baron, R.A.& Byrne, D., `Social Psychology', U.S.A., Allyn & Bacon Inc., 1987, ms. 145
3. Loc. cit.

Sikap dibina atas proses sosialisasi (lihat bab 5), dan berlaku secara spontan berdasarkan pengalaman diri(4).

Identiti pula ialah `kesemua kualiti, anggapan dan ide yang menyebabkan seseorang individu itu rasa bahawa beliau berbeza dari orang lain yang tergolong dalam kumpulan tertentu'(5). Untuk tujuan kajian ini, yang diberi tumpuan ialah kumpulan rujukan (reference group) seseorang. Seseorang mengidentifikasikan dirinya kepada sesuatu kumpulan rujukan yang membentuk kesetiaan seseorang itu untuk mematuhi norma, kepercayaan, sikap dan tingkahlaku yang direstui oleh kumpulan itu(6). Biasanya kumpulan rujukan menyediakan satu set rujukan terhadap tafsiran yang sedia ada mengenai peristiwa dan isu sosial yang lain(7). Kumpulan rujukan adalah model penting dalam kehidupan seseorang; dari keluarga, di mana ciri (characteristic) personaliti individu yang dasar dibentuk, kemudian diikuti dengan kumpulan rakan sebaya (peer group). Kegagalan diterima sebagai anggota dalam kumpulan ini biasanya diikuti oleh pola kegagalan sosial dan penolakan sosial untuk seumur-hidup (lifelong pattern of social rejection and social failure)(8).

Perkataan `etnik' berasal dari bahasa Greek `ethnikos', yang merujuk kepada `satu kumpulan manusia atau bangsa(nation)'. Ia menerangkan satu kumpulan manusia yang mempunyai satu tahap

---

4.Baron,R.A., <u>op. cit.</u>, ms. 145
5.Cobuild,C., <u>op. cit.</u>, ms. 718
6.Atkinson,R.L.,`<u>Introduction to Psychology</u>',(9th ed.), U.S.A., H.B.J. Pub.,1987, ms. 626
7.<u>Ibid</u>., ms. 627
8.Horton,P.B.& Hunt,C.L.,`<u>Sociology</u>', S'pore,McGraw Hill,ms. 90

'kesatuan' (coherence) dan perpaduan (solidarity) yang mempunyai kesedaran, sekurang-kurangnya secara terpendam (latent), mengenai asal-usul dan minat yang sama(9). Kumpulan etnik juga boleh terdiri dari satu kolektif manusia yang bersatu atas kesedaran diri (self conscious) akibat pengalaman yang pernah dirasai bersama (10).

## 2.2.1 Identiti Etnik Cina di Malaysia

Harold R. Isaacs menyatakan 'identiti kumpulan dasar'(basic group identity) sebagai(11);

'...the set of identifications which every individual shares with others from the moment of his birth; his ethnic being, his family and group name, his colour and physical characteristics, the history and origins of the group into which he is born. Its whole culture-past providing him with,among other things, his language, religion, arts, modes and style of life and inherited value system. It lays upon him his nationality or whatever other condition of self awareness in his group. He is endowed finally, with the total structure of his family's culture, with all its intersecting, concentric and multiple enlargements the social threshold of the family through which he enters upon life, the geography, politics and economics of the country of his birth, and all the implying circumstances of his time.'

Menurut Dr.Tan Chee Beng, seseorang 'Cina' atau 'Tionghua' di Malaysia adalah individu yang mengidentifikasikan diri sebagai seorang 'Cina' dan menganggap dirinya mempunyai asal-usul 'Cina'(12) Kesedaran sebagai seorang Cina itu sendiri yang penting, dan bukannya rupabentuk kebudayaan dan material luaran yang menjadi ukuran bagi identiti 'ke-Cina-an' (13).

---

9.Cashmore,Ellis E.,'Dictionary of Race Relations', London, Routledge & Kegan Paul, 1984, ms. 85
10.Loc.cit.
11.Isaacs,Harold R.,'Group Identity and Political Change', Survey 1969, ms. 77
12.Tan, Chee-Beng,'Nation Building...', op. cit., ms. 139
13.Loc.cit.

Terdapat dua kategori Cina di Malaysia; pertama, mereka yang dianggap sebagai Cina 'tulen', dan kedua Cina peranakan, iaitu terdiri dari Baba Melaka dan peranakan Kelantan (yang mengamalkan kebudayaan Melayu dan berbahasa Melayu di kalangan mereka)(14). Perbincangan kajian ini akan tertumpu hanya kepada mereka yang tergolong dalam kategori yang pertama.

## 2.2.2 Hipothesis Sentimen Identiti Etnik

Untuk menjelaskan sentimen identiti etnik yang dipersepsikan sebagai mencerminkan identiti kumpulan etnik Cina di Malaysia, tiga unsur digunakan untuk menguji sentimen ini; iaitu budaya, ekonomi dan politik.

Unsur budaya akan ditumpukan kepada isu agama dan bahasa (mengambil kira bahasa yang dirasakan penting untuk tujuan pendidikan, kerjaya dan dialek identiti). Unsur ekonomi pula akan dilihat dari segi pendirian-pendirian responden terhadap jenis pekerjaan dan majikan. Manakala untuk unsur politik pula, tinjauan persepsi para responden terhadap dasar pendidikan (termasuk kelas P.O.L., penyerapan budaya Cina) dan politik kaum Cina.

Hipothesis yang disarankan untuk sentimen identiti ini ialah; ibubapa yang mendaftar anak-anak di sekolah Jenis Kebangsaan Cina mempunyai nilai ke-Cina-an yang lebih dalam ketiga-tiga perkara yang disebutkan di atas, berbanding dengan ibubapa yang memilih sekolah Kebangsaan(perbincangan lanjut dan penemuan kajian di Bab 4).

---

14.Tan,Chee-Beng, *op. cit.*, ms. 140

## 2.3 Dimensi Aspek Sosialisasi

Dimensi aspek sosialisasi ibubapa cuba melihat pola latar-belakang responden dari segi jenis pendidikan yang diterima, tempat dilahirkan dan dibesarkan serta pendedahan kepada media-massa dan kaitannya dengan pemilihan aliran bahasa pengantar anak-anak.

Sosialisasi adalah proses di mana seseorang menganuti (internalize) norma kumpulan seseorang itu supaya satu 'diri' (self) yang unik terwujud(15). Ia merupakan satu perkembangan, melalui pengaruh keluarga atau orang-orang lain, pola-pola tingkahlaku yang akur(comform) kepada ekspektasi budaya sesuatu kumpulan(16).

Menurut Peter Worsley, sosialisasi adalah transmisi budaya, proses yang membolehkan manusia mempelajari segala peraturan dan latihan dalam kumpulan sosialnya(17). Ia adalah satu proses yang berlaku seumur hidup (18).

Alex Inkeles, melihat sosialisasi sebagai satu proses pembelajaran budaya sejak kecil. Segala perlakuan seseorang individu merupakan usaha untuk memenuhi kehendak masyarakat terhadapnya. Dalam hubungan sosialnya, seseorang itu memerlukan sokongan dan dan kerjasama dari masyarakat. Tekanan luaran inilah yang memaksa seseorang itu berkelakuan menurut norma dan 'standard' masyarakat di waktu dan tempatnya(19).

---

15.Horton,P.B., op.cit., ms. 102
16.Ember,C.R.& Ember,M.,'Anthropology',U.S.A.,Prentice-Hall Int. Ed., 1988, ms. 402
17.Worsley,Peter,'Introducing Sociology', Harmondsworth, Penguin Books, 1970, ms. 153
18.Ibid., ms. 154
19.Inkeles,Alex,'What is Sociology? An Introduction to the Discipline and Profession',Prentice Hall,New Delhi, 1971, ms. 50

Personaliti juga dibentuk melalui hasil perhubungan kontak dengan orang lain. Sikap, ide, tingkah laku dan peranan yang bersesuaian dengan status, dipelajari melalui proses sosialisasi(20).

Proses sosialisasi mempengaruhi pembentukkan sikap seseorang(21). Seterusnya ia juga merupakan asas stereotaip, sikap (biasanya negatif) yang mengatakan semua ahli sesuatu kumpulan itu mempunyai perwatakan yang sama (22). Akibat dari stereotaip, sikap prejudis, sesuatu sikap negatif yang ditujukan terhadap satu-satu kumpulan sosial yang spesifik akan terbentuk(23). Sikap prejudis ini berpunca dari pembelajaran sosial dimana seseorang itu memperolehi sikap negatif terhadap sesuatu kumpulan sosial tertentu berdasarkan pendedahan kepada pandangan yang sedemikian melalui institusi keluarga, pendidikan dan media massa(24).

### 2.3.1 Hipothesis Aspek Sosialisasi

Kajian ini tidak akan mengukur tahap stereotaip dan prejudis responden, tetapi akan melihat kepada tiga perkara penting yang berkaitan dengan sosialisasi; pendidikan, latarbelakang tempat lahir dan tempat dibesarkan, serta pendedahan media-massa.

Ketiga-tiga perkara ini akan menjadi pengukur bagi pemilihan aliran bahasa pendidikan anak-anak. Hipothesis di sini ialah, ibubapa yang memilih sekolah Cina untuk anak-anak mereka melalui

---

20.Roucek,J.S.,Warren,R.L.,'<u>Sociology an Introduction</u>',(ed.terjemahan),Kuala Lumpur,D.B.P., 1979, ms. 29
21.Baron,R.A., <u>op.cit</u>., ms. 117
22.<u>Ibid</u>., ms. 119
23.<u>Ibid</u>., ms182
24.<u>Ibid</u>., ms162

pengalaman sosialisasi yang berciri ke-Cina-an, iaitu, latarbelakang tempat lahir dan tempat dibesarkan berbentuk homogenus (komuniti Cina), berpendidikan Cina, dan pendedahan media massa yang lebih kepada aliran bahasa Cina berbanding dengan ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan (perbincangan lanjut dan penemuan kajian akan dibincangkan di dalam bab 5).

## 2.4 Dimensi Aspek Hubungan Jaringan Sosial

Melalui dimensi ini, penyelidikan bertujuan melihat bentuk-bentuk hubungan sosial responden dari tahap pendidikan, pekerjaan (termasuk bentuk majikan), persatuan dan jiran tetangga.

Jaringan sosial (social network) ialah satu keadaan di mana sebilangan besar manusia, kumpulan, ataupun sesuatu institusi yang mempunyai hubungan di antara satu sama lain, bekerjasama sebagai satu sistem(25). Sesuatu sistem sosial pula ialah susunan bahagian yang berkait dan saling perlu-memerlui untuk membentuk satu kesatuan(26). Ia adalah satu organisasi hak dan tugas yang bertimbal-balik di dalam satu kebudayaan(27). Dengan lain perkataan, ia merupakan cara-cara keseluruhan institusi di dalam aspek-aspek masyarakat diorganisasikan dan diaturkan(28).

Hubungan sosial(social relationship) wujud apabila terdapat satu kadar interaksi yang kerap berlaku di antara dua pihak; individu atau kumpulan ('interpersonal' dan 'intergroup')(29).

---

25.Cobuild,C., op. cit., ms. 966
26.Norazit Selat,'Konsep Asas Antropologi',K.L.,D.B.P.,89,ms. 131
27.Roucek,J.S., op. cit., ms. 21
28.Cobuild,C., op. cit., ms. 1485
29.Rose,J.D., 'Peoples:The Ethnic Dimension in Human Relations', Chicago,Rand McNally College Pub.Co.,1976, ms. 81

Ahli-ahli dari berbagai kumpulan etnik yang berada di satu kawasan sosial (social space) yang sama, akan menunjukkan darjah yang berlainan terhadap 'intimacy' dan 'distance' dalam perhubungan mereka itu(30). Untuk hubungan sosial yang 'intimate', ia melibatkan perasaan emosi yang kuat, di mana jarak sosial (social distance) adalah minima sekali(31). Hubungan sosial yang renggang pula ialah hubungan yang tidak melibatkan persamaan (indifference) dan tidak melibatkan perasaan sayang (caring)(32).

Menurut Michael Banton, sesuatu kumpulan etnik mengekalkan jarak sosialnya dengan kumpulan lain kerana faktor-faktor status dan kekhuatiran ketidak-biasaan (fear of the unfamiliar)(33). Jarak sosial ini juga menggalakkan segregasi di antara kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan.

Segregasi ialah pembahagian ruang (spatial seperation) di antara kumpulan etnik yang pada umumnya mengongsi satu masyarakat yang sama(34). Ia boleh berbentuk sukarela (voluntary) atau paksaan (imposed). Biasanya, corak segregasi yang dipaksakan ke atas satu-satu kumpulan etnik menyebabkan ia dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi etnik (35). Contohnya dasar apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan adalah satu bentuk segregasi paksaan yang dikuatkuasakan melalui undang-undang bagi tujuan mengasingkan kumpulan etnik yang berlainan. Sebaliknya, sesuatu kumpulan etnik yang cuba mengekalkan cara hidup mereka yang tersendiri se-

30.Rose,J.D., op. cit., ms. 85
31.Ibid., ms. 86
32.Loc.cit.
33.Ibid., ms. 88-92
34.Cashmore,E.E., op. cit., ms. 249
35.Loc.cit.

cara sukarela mengasingkan diri mereka dari kumpulan yang dominan(36). Contohnya masyarakat Cina di Malaysia yang secara sukarelanya memilih kawasan tempat tinggal dan sekolah yang berbentuk homogenus.

### 2.4.1 Hipothesis Hubungan Jaringan Sosial

Dalam kajian ini, tiga `setting' sosial akan diambila kira; setting aliran persekolahan, pekerjaan (termasuk persatuan) dan jiran-tetangga.

Ketiga-tiga setting persekolahan, pekerjaan dan jiran-tetangga responden, akan memperlihatkan pola hubungan etnik responden, jarak sosial dan segregasi yang wujud. Indeks jenis pendidikan yang diterima, kawan rapat di kalangan rakan sejawat, jiran dan anggota persatuan yang dimasukki, akan dijadikan pengukur untuk corak hubungan jaringan sosial responden.

Hipothesis yang disarankan di sini ialah, responden yang mendaftar anak-anak di sekolah vernakular Cina mempunyai pola hubungan jaringan sosial yang lebih terhad kepada etnik Cina berbanding dengan responden yang tidak memilih sekolah vernakular (penemuan kajian di Bab Enam).

## 2.5 Analisis Umum Latarbelakang Responden

Kesemuanya terdapat 49 orang responden untuk kajian ini. Mereka ini dibahagikan kepada dua kategori; kategori A ialah responden yang mendaftar anak-anak di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Foon Yew 3. Jumlah responden dari golongan ini ialah

---

36.Cashmore,E.E., op. cit., ms. 249

36 orang, manakala jumlah responden di kategori B ialah 13 orang.

### 2.5.1 Jantina dan Taburan Umur

Analisis lengkap latarbelakang responden yang mendaftar anak-anak di sekolah vernakular Cina dan sekolah Kebangsaan mengikut jantina dan taburan umur adalah seperti berikut:

Jadual 2.1: Jantina & Taburan Umur Responden

| | Responden A | | | | Responden B | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Taburan Umur | Lelaki | | Perempuan | | Lelaki | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| Tidak jawab | 1 | 3 | - | - | - | - |
| 31 - 35 tahun | 2 | 5 | 8 | 23 | 2 | 15 |
| 36 - 40 tahun | 7 | 19 | 3 | 8 | 2 | 15 |
| 41 - 45 tahun | 8 | 23 | 1 | 3 | 5 | 40 |
| 46 - 50 tahun | 1 | 3 | 1 | 3 | 2 | 15 |
| 51 & keatas | 2 | 5 | 2 | 5 | 2 | 15 |
| Jumlah | 21 | (58) | 15 | (42) | 13 | (100) |

Dari jadual di atas, didapati umur purata Responden A lelaki ialah 41 tahun, manakala responden perempuan 34 tahun. Ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, responden terdiri dari generasi yang masih muda. Hanya 10 orang sahaja dari jumlah responden dilahirkan selepas kemerdekaan Malaya, manakala 26 orang lagi, iaitu 72% adalah mereka yang dilahirkan di zaman pra-merdeka. Untuk Responden B pula, umur purata ialah 43 tahun. Majoriti juga dilahirkan sebelum kemerdekaan, iaitu 11 orang (85%).

Sebahagian penting (24 orang atau 49%) dari responden yang ditemui berumur lebih dari 41 tahun. Ini bermakna bahawa sebahagian penting dari responden terdiri dari individu yang pernah melalui zaman penjajahan British dan zaman Darurat sewaktu mereka mulai sedar tentang keadaan sekeliling mereka. Ini penting disedari kerana ia boleh membentuk pemikiran dan pendapat para

responden tentang isu pendidikan, khasnya pendidikan vernakular Cina. Ini adalah kerana sebilangan besar responden membesar di dalam suasana yang melihatkan perjuangan komuniti Cina terhadap kepentingan pendidikan dan budaya Cina(37). Dasar pendidikan kerajaan pada waktu itu yang dilihat sebagai mengancam kedudukan pendidikan Cina (Laporan Barnes 1951, Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960), serta kempen-kempen yang dilancarkan (seperti Kempen 'Unggun' pada 1957, untuk menggalakkan pendaftaran di sekolah Cina) dan seumpamanya, mungkin meninggalkan kesan kepada responden. Tambahan pula, majoriti responden pernah mengikuti pendidikan Cina, jadi mereka peka terhadap apa yang pernah dialami oleh sistem pendidikan Cina. Ini jelas terbukti dari persepsi identiti etnik mereka (akan dibincangkan dalam Bab 4).

2.5.2 Pekerjaan

Dari segi pekerjaan, lima daripada jumlah responden yang mendaftarkan anak-anak di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Foon Yew No.3 tidak menjawab soalan ini. Empat daripada mereka terdiri daripada responden wanita, mereka adalah surirumah (data pendapatan, majikan dan rakan sejawat membuktikan ini). Seorang lagi responden yang tidak berkerja ialah seorang lelaki(Kod P54).

Jadual 2.2 menunjukkan pecahan di antara mereka yang bekerja kolar putih dan mereka yang bekerja kolar biru. Di antara kerjaya Responden A yang tergolong dalam kategori kolar putih atau pekerjaan non-manual termasuk peniaga (4 orang), guru (seorang), arkitek (seorang), penyelia (seorang), pensyarah (se

37.Tan,Liok-Ee,'Politics of Chinese Education in Malaya 1945-61', Ph.D. thesis, University Malaya, 1985, ms1-2

orang), dan pengurus (seorang). Oleh itu jumlah golongan ini seramai 9 orang (26%). Mereka yang tergolong dalam pekerjaan kolar biru atau pekerjaan manual termasuk juruteknik (4 orang), tukang jahit (3 orang), pemandu bas (seorang), tiler (seorang), mekanik (2 orang), buruh kilang (seorang), buruh binaan (3 orang) dan pemandu teksi (seorang). Kategori ini mempunyai 16 orang (46%). Selebihnya, iaitu 10 orang adalah surirumah.

Di kalangan Responden B pula, terdapat lapan orang yang terlibat dalam pekerjaan kolar-putih. Mereka terdiri dari seorang penyelia, 2 orang pengurus dan 5 orang peniaga. Yang bakinya seramai 5 orang tergolong dalam pekerjaan kolar-biru, mereka ialah juruteknik (2 orang), buruh binaan (2 orang) dan seorang polis.

Jadual 2.2: Jenis Pekerjaan Responden

| | Responden A | | Responden B | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Surirumah | 10 | 28 | - | - |
| Kolar Biru | 16 | 46 | 5 | 38 |
| Kolar Putih | 9 | 26 | 8 | 62 |
| Jumlah | 35 | (100) | 13 | (100) |

Data di Jadual 2.2 menunjukkan lebih ramai Responden A mempunyai pekerjaan kolar-biru(46%) dari kolar-putih(26%). Ini menunjukkan bahawa mereka yang tergolong dalam kelas pekerja (working class) adalah lebih ramai dari mereka yang tergolong di dalam kelas pertengahan (middle-class). Walaupun perbedaan di antara kedua-dua kelas ini (teori `convergence', iaitu di antara kelas yang berlainan sudah mirip satu sama lain dalam gaya dan cara hidup) semakin mengurang(38) namun, penemuan menunjukkan ba-

38.Horton, P.B., op. cit., ms. 353

hawa masih terdapat nilai dan pandangan yang berbeza di antara mereka yang bekerja kolar-putih dengan mereka yang bekerja kolar-biru(39). Mereka yang berpekerjaan kolar-biru mempunyai perasaan syak (suspicion) dan rasa sangsi yang lebih tinggi (distrust) terhadap kelas menengah atau atas(40). Impak ini dapat dikesan dari persepsi Responden A terhadap isu-isu politik dan ekonomi (lihat Bab Empat).

Bagi Responden B pula, majoritinya mempunyai pekerjaan kolar putih, iaitu lapan orang (62%), berbanding dengan kolar-biru(lima orang atau 38%). Ini sedikit sebanyak menunjukkan darjah yang kurang dalam persepsi isu-isu tersebut di atas, di mana Responden B lebih praktikal dalam pendirian mereka(lihat Bab Empat).

2.5.3 Majikan

Untuk jenis majikan responden dibahagikan kepada empat; tidak bermajikan, bekerja untuk kerajaan, bekerja sendiri atau bekerja dengan pihak swasta. (Responden P54 juga dikecualikan dan tidak dimasukkan ke dalam mana-mana kategori kerana jawapan yang tidak lengkap).

Jadual 2.3: Jenis Majikan Responden

| | Responden A Bil. | Responden A % | Responden B Bil. | Responden B % |
|---|---|---|---|---|
| Tiada | 10 | 29 | - | - |
| Kerajaan | 2 | 5 | 1 | 8 |
| Swasta | 13 | 37 | 7 | 54 |
| Sendiri | 10 | 29 | 5 | 38 |
| Jumlah | 35(100) | | 13 (100) | |

39.Horton, P.B., op. cit., ms. 354
40.Loc.cit.

Bagi ibubapa yang memilih pendidikan Cina, mereka yang tidak bermajikan terdiri dari suri rumahtangga(10 orang). Hanya dua orang yang bekerja dengan pihak kerajaan; seorang guru dan seorang pensyarah. Mereka yang bermajikankan pihak swasta termasuk; buruh kilang(seorang), peniaga(seorang), juruteknik (3 orang), arkitek(seorang), tukang jahit (3 orang), buruh pembinaan (seorang), penyelia (seorang), mekanik (seorang) dan pengurus (seorang). Yang bakinya seramai 10 orang bekerja sendiri.

Untuk ibubapa yang mendaftar anak-anak di sekolah Kebangsaan pula, 12 orang responden (92%) bekerja sendiri atau dengan pihak swasta. Kedua-dua kategori responden ini menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja yang bekerja untuk kerajaan. Iaitu hanya tiga dari 49 orang responden.Ini adalah konsisten dengan bentuk pekerjaan di peringkat persekutuan, di mana untuk kumpulan etnik Cina pada tahun 1980, hanya 195,485 orang sahaja (29.7%) daripada sejumlah 658,200 orang yang bekerja dengan kerajaan, manakala untuk tahun 1985 pula, peratusannya menurun kepada 27.1% (222,085 orang daripada 819,500 orang)(41).

Memandangkan sebilangan besar responden tidak bekerja untuk pihak kerajaan, maka ini mempengaruhi tanggapan mereka terhadap peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada anak-anak (penemuan kajian di Bab Empat).

2.5.4 Pendapatan

Bagi soal pendapatan Responden A, 13 daripada mereka tidak memberi jawapan. Ini termasuk 9 orang suri rumahtangga, seorang

41.Rancangan Malaysia Kelima, ms. 102

peniaga, dua orang buruh pembinaan dan kes P54. Taburan pendapatan responden adalah seperti dibawah (Jadual 2.4).

Jadual 2.4: Kategori Pendapatan Responden

| | Responden A Bil. | % | Responden B Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Tiada | 13 | 34 | 2 | 15 |
| $ 400 ke bawah | 2 | 6 | - | - |
| $ 401 - $ 700 | 6 | 17 | 2 | 15 |
| $ 701 - $1,000 | 5 | 14 | 2 | 15 |
| $1,001 - $1,300 | 1 | 3 | 3 | 24 |
| $1,301 - $1,600 | 2 | 6 | - | - |
| $1,601 - $1,900 | 1 | 3 | 1 | 8 |
| $1,901 - $2,200 | 2 | 6 | 2 | 15 |
| $2,201 ke atas | 4 | 11 | 1 | 8 |
| Jumlah | 36 | (100) | 13 | (100) |

Purata pendapatan untuk kumpulan Responden A berada di dalam kategori $701 hingga $1,000. Min pendapatan untuk keseluruhan responden yang memjawab ialah $1,370. Angka ini adalah jauh lebih tinggi daripada pendapatan penengah bagi kumpulan etnik Cina (mengikut harga semasa 1984) yang berjumlah $1,024 (42). Ia juga adalah dua-kali ganda pendapatan penengah keseluruhan Malaysia yang berjumlah $729 (Lampiran 2A).

Untuk Responden B pula, dua orang responden tidak memberi jawapan. Purata pendapatan untuk kumpulan responden ini ialah $1,418. Angka ini jauh lebih tinggi dari pendapatan penengah negara. Dari ini membuktikan yang responden secara puratanya terdiri dari mereka yang mempunyai status sosio-ekonomi yang agak tinggi. Penemuan ini juga agak konsisten dengan yang pernah disebutkan oleh Dr.Syed Husin Ali yang melihat majoriti kumpulan etnik tergolong di Cina dalam kelas menengah(golongan profesional

42.Rancangan Malaysia Kelima, ms. 116

dan peniaga)(43).

2.5.5 Agama

Dari segi pegangan kepercayaan, seorang responden(P40) dari kategori A tidak menjawab, manakala 35 orang responden yang lain, majoritinya beragama Buddha, iaitu 31 orang (89%). Yang bakinya, tiga orang beragama Kristian, dan seorang mengamalkan pemujaan Taoisme. Untuk Responden B, 12 orang beragama Buddha, seorang beragama Kristian.

Jadual 2.5: Agama Responden

| | Responden A Bil. | Responden A % | Responden B Bil. | Responden B % |
|---|---|---|---|---|
| Buddha | 31 | 89 | 12 | 92 |
| Christian | 3 | 9 | 1 | 8 |
| Taoisme | 1 | 2 | - | - |
| Jumlah | 35(100) | | 13(100) | |

Memandangkan sebilangan penting responden adalah beragama Buddha, ini mempengaruhi persepsi mereka terhadap simbol identiti agama Cina. Tambahan pula, memang tidak boleh dinafikan bahawa agama ini merupakan agama kedua terbesar di Malaysia selepas Islam, dan sering diassosiasikan dengan kumpulan etnik Cina seperti mana Islam dengan Melayu dan Hindu dengan India(44).

2.5.6 Bahasa Pengantar Borang Soal Selidik

Bahasa pengantaraan yang telah digunakan dalam pengendalian temuramah ialah di dalam bahasa Mandarin kesemuanya, manakala melalui borang soal selidik, sebilangan besar Responden A menja-

43.Syed Husin Ali,`Social Relations in Malaysia:Ethnic and Class Factors',dlm,`Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa',anj. Per.Sosial Sains Malaysia, Univ.Malaya, 10-12 Januari 1983

44.Information Malaysia Yearbook 90/91, ms. 83

wab dengan Bahasa Mandarin (27 orang), ada juga yang menggunakan Bahasa Inggeris(8 orang), dan Bahasa Malaysia(1 orang). Responden B pula, tujuh orang menjawab dengan bahasa Mandarin, empat orang dengan bahasa Inggeris dan dua orang mengguna Bahasa Malaysia.

Jadual 2.6: Bahasa Yang Digunakan Untuk Menjawab Borang Soal Selidik

| | Responden A | | Responden B | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Bahasa Mandarin | 27 | 75 | 7 | 54 |
| Bahasa Inggeris | 8 | 22 | 4 | 31 |
| Bahasa Malaysia | 1 | 3 | 2 | 15 |
| Jumlah | 36(100) | | 13(100) | |

Jadual 2.6 di atas menunjukkan peratus yang lebih tinggi dalam penggunaan bahasa Mandarin di kalangan ibubapa yang memilih pendidikan Cina berbanding dengan ibubapa yang mendaftar anak-anak di sekolah Kebangsaan. Segala ini berkaitan dengan persepsi responden terhadap kepentingan simbol identiti budaya Cina (Responden A lebih mengutamakan bahasa, sementara Responden B tidak. Keterangan lanjut dalam Bab Empat).

## 2.6 Kesimpulan

Di sini boleh dibuat rumusan bahawa ciri latarbelakang yang berbeza di kalangan kedua kategori responden ini mempunyai pengaruhnya dalam pemilihan aliran pendidikan anak-anak dan persepsi serta pendapat mereka terhadap perkara-perkara tertentu. Dalam Bab Empat, kajian akan ditumpukan kepada persepsi identiti etnik Cina yang dipegang. Bab Lima pula akan memberikan perhatian ciri latarbelakang lampau yang lebih mendalam serta bentuk sosialisasi responden. Bab Enam seterusnya akan melihat kepada hubungan ja-

ringan sosial semasa responden. Segala yang akan dibincang menunjukkan satu kecenderungan yang berbeza (walaupun tidak beberapa ketara) di antara kedua kategori responden ini. Faktor kelas sosial, status sosio-ekonomi, jenis pekerjaan dan majikan yang ditemui di sini sedikit sebanyak membuktikan kesannya dalam penemuan selanjutnya.

# BAB TIGA

# PENDIDIKAN CINA
# DAN SISTEM PELAJARAN
# DI MALAYSIA

3.1 Kemunculan Kumpulan Etnik Cina di Persekutuan Tanah Melayu

Pada 1990, anggaran jumlah penduduk Semenanjung Malaysia ialah 14.6 juta orang. Pecahan mengikut kaum warganegara Malaysia yang berbangsa Cina adalah seramai 4.6 juta orang. Angka ini merangkumi 31.4% daripada jumlah anggaran seluruh penduduk Semenanjung Malaysia jangkaan 1990. Jumlah penduduk Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) ialah seramai 17.9 juta orang. Orang Cina berjumlah 5.3 juta atau 29.5% daripada jumlah tersebut (sila lihat Jadual 3.1)(1).

Jadual 1.1:Aanggaran Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Etnik Bagi Tahun 1990

| | Bil.(dlm ribu) | ( %) |
|---|---|---|
| Sem. Malaysia | 14,605.2 | 100.0 |
| Melayu & B'putera Lain | 8,493.0 | 58.1 |
| Cina | 4,579.2 | 31.4 |
| India | 1,441.1 | 9.9 |
| Lain-lain | 91.9 | 0.6 |
| Sabah | 1,517.4 | 100.0 |
| Bumiputera | 1,294.0 | 85.3 |
| Cina | 209.7 | 13.8 |
| India | 8.6 | 0.6 |
| Lain-lain | 5.1 | 0.3 |
| Sarawak | 1,754.6 | 100.0 |
| Bumiputera | 1,242.2 | 70.9 |
| Cina | 490.4 | 27.9 |
| India | 4.6 | 0.2 |
| Lain-lain | 17.4 | 1.0 |

(sumber:M'sian Info. Yearbook 1990-1, ms301)

Kesan terawal penetapan kaum Cina di sini adalah tidak jelas, tetapi telah terbukti penempatan komuniti Cina secara tetap di Melaka telah dikesan sejak lewat abad ke-16 lagi(2).

1.Malaysia,`Information Malaysia 90-91 Yearbook',Berita Pub., P.J., 1990, ms. 301

2.Tan, Chee-Beng,`Acculturation, Assimilation and Integration:The Case of the Chinese in Malaysia',dlm.`Modernisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa',U.Malaya,10-12 Jan.1983,ms. 1

Malah seawal 1436 sudah ada bukti-bukti ini. Namun demikian, kemasukan orang Cina secara besar-besaran ke Semenanjung Tanah Melayu hanya bermula selepas tahun 1874 dengan pengenalan dasar 'Pintu Terbuka' oleh pentadbir British(3). Ini adalah akibat langsung tujuan ekonomi dengan penemuan-penemuan dan pengusahaan lombong-lombong bijih timah di Perak(4).

## 3.2 Ciri-ciri Kependudukan Cina di Malaya Sebelum Perang Dunia II

Pendatang-pendatang awal sebelum abad ke-19 terlibat dalam perdagangan, manakala sebahagian besar yang datang selepas itu mempunyai kaitan dengan pekerjaan-pekerjaan melombong bijih timah. Kedatangan mereka telah dipercepatkan lagi dengan galakan pentadbir British. Sebahagian besar mereka yang datang pada ketika itu mengalami kedesakan hidup, khasnya di Kwantung, Fukien, Hainan dan Kwangsi. Kesusahan yang dihadapi di negeri China telah mengakibatkan penghijrahan besar-besaran ke Malaya untuk mencari dan mengumpul kekayaan, dan seterusnya kembali semula ke negeri China(5).

Menurut Goh Cheng Teik, ciri-ciri kependudukan masyarakat Cina Malaya sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, adalah berbentuk 'terapung' (floating population)(6). Sebelum 1870-an jumlah komuniti Cina yang terawal (di Melaka dan Pulau Pinang) tidak melebihi 50,000 orang; tetapi setelah lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang pertanian dibuka, lebih kurang 1,300,000 orang Cina didapati bekerja di tempat-tempat ini pada permulaan tahun

3.Ho, Seng-Ong, op. cit., ms. 32
4.Haris Md. Jadi, op. cit., ms. 5
5.Loc. cit.
6.Goh, Cheng-Teik, 'Integration in a Plural Society:The Chinese in Malaysia', Penang, Straits Ehco Pr., 1978, ms. 7-10

1931(7). Pada peringkat awal, sebahagian besar daripada mereka telah dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan, serta mempunyai tahap akulturasi yang tinggi; contohnya kumpulan Peranakan Cina Kelantan(8) dan Peranakan Cina Melaka atau Baba(9). Oleh kerana mereka yang datang pada lewat abad ke-19 berhijrah di bawah naungan penjajah dan dalam kelompok yang besar, maka mereka lebih cenderung untuk berkumpul dalam kumpulan sendiri(khasnya mengikut kumpulan dialek, misalnya Hokkien, Kantonis, Teochew dan sebagainya), dan wujud di dalam satu entiti sosial yang tersendiri (persatuan-persatuan dan kongsi-kongsi)(10). Kebebasan untuk hidup secara terapung ini disebabkan juga oleh keadaan ekonomi semasa; jika keadaan ekonomi baik, maka ramai yang datang. Ramai pula yang pulang ke China apabila keadaan ekonomi meleset. Sikap yang dipegang pada ketika itu ialah untuk 'mencari kekayaan sebelum pulang'(11).

Sebelum Perang Dunia Kedua setiap kelompok etnik mempunyai kesetiaan politik yang berlainan. Setiap kelompok etnik dikuasai oleh ketua-ketua sendiri; orang Melayu oleh ketua tradisional mereka; Sultan, pentadbir-pentadbir aristokrat, penghulu dan sebagainya. Kaum Cina pula dikuasai oleh ketua kongsi-kongsi gelap, persatuan suku (klan) atau kapitan-kapitan Cina(12). Selain itu, Malaya juga terbahagi kepada tiga entiti pentadbiran yang berlainan; Residen Besar untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Pe-

7.Goh, Cheng-Teik, op.cit., ms. 7
8.Hanapi Dollah,`Komuniti Cina di Kg.Mata Ayer, Kelantan:Satu Kajian Assimilasi Sosial Budaya dalam Masyarakat Berbilang Kaum', D.B.P.,K.L., 1986,ms. 298-328
9.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 4-5
10.Goh, Cheng-Teik, op. cit., ms. 7
11.Loc.cit.
12.Ibid., ms. 9

nasihat British di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Gabenor British di Negeri-Negeri Selat. Keadaan ini tidak membenarkan kemunculan kesetiaan kepada entiti politik yang sama(13).

Kerajaan Manchu (1909) dan kemudiannya Kuomintang (1929) di China berpegang kuat kepada prinsip 'jus sanguinis'; iaitu kewarganegaraan melalui ikatan darah. Ini telah menyebabkan identiti kewarganegaraan China wujud di kalangan setiap orang yang bapanya seorang yang berketurunan darah China; tidak kira di mana seseorang itu dilahirkan dan diperbesarkan(14). Oleh itu, tidak hairanlah masyarakat Cina di Malaya pada masa itu mempunyai 'dwi-kewarganegaraan'; satu untuk negeri China dan satu untuk Malaya. Manifestasi fenomena dwi-kewarganegaraan ini jelas ketika berlakunya revolusi di China pada 1911 (sumbangan dan sokongan kewangan yang besar dihulurkan), dan Perang China-Jepun 1937(pemboikotan barang-barang buatan Jepun) yang mana telah menanam semangat nasionalisme China di kalangan komuniti Cina Malaya.

## 3.3 Komuniti Cina Malaya Menjelang Kemerdekaan

Keadaan tersebut di atas berubah apabila ramai di antara yang datang mula menetap dan menggalakkan perkembangan sistem kekeluargaan yang biasa di kalangan komuniti Cina Malaya. Imbangan jantina yang pada awalnya mempunyai nisbah lelaki yang besar telah berubah pada tahun 1933, apabila kemasukan buruh lelaki China dikawal(15). Secara umumnya, nisbah wanita bagi setiap 1,000 orang lelaki Cina di Malaya dari 1921 ke 1970 adalah seperti berikut (Jadual 3.2):

13. Goh, Cheng-Teik, *op. cit.*, ms. 7-8
14. *Ibid.*, ms. 8
15. *Ibid.*, ms. 20-1

Jadual 3.2: Imbangan Jantina Wanita Kepada Setiap 1,000 Orang Lelaki Cina Malaya/Malaysia Dari 1921 -1970

| | Wanita | | Lelaki |
|---|---|---|---|
| 1921 | 355 orang | : | 1,000 orang |
| 1931 | 486 orang | : | 1,000 orang |
| 1947 | 815 orang | : | 1,000 orang |
| 1957 | 926 orang | : | 1,000 orang |
| 1970 | 987 orang | : | 1,000 orang |

(sumber: Goh Cheng Teik 1978:20, adapted)

Dengan sekatan-sekatan penghijrahan, imbangan jantina yang lebih baik serta bahagian komuniti Cina Malaya yang dilahirkan di Malaya meningkat dari 30% sebelum 1930 hingga 100% pada lewat tahun 1970-an (1931:31.2%, 1947:62.5%, 1957:74.5%, 1970:86.9% dan 1977:100%). Perubahan ini telah banyak mempengaruhi pembentukan masyarakat Cina Malaya. Kewarganegaraan Malaya yang diterapkan di bawah prinsip 'jus soli' juga telah menghakis sikap dwi-kewarganegaraan(16).

Prof.Wang Gung-Wu ada menyebut bahawa ciri-ciri identiti penduduk tempatan berketurunan Cina sebelum Perang Dunia Kedua adalah berbentuk 'historical'; iaitu kesedaran terhadap sistem kekeluargaan, asal-usul di negeri China yang telah membentuk dialek yang berlainan serta kebanggaan dengan 'Tradisi Tamadun Besar China'(Great Tradition of China's Civilization)(17). Namun setelah tamatnya perang, semangat nasionalisme China menguasai jiwa orang-orang Cina tempatan, dan ini telah mengakibatkan sikap anti-kolonial yang mendadak seperti penglibatan dalam Parti Komunis Malaya(18).

16.Goh, Cheng-Teik, op. cit., ms. 24-5
17.Wang, Gung-Wu,'The Study of Chinese Identities in Southeast Asia',dlm.'Southeast Asian Chinese Since World War II', Cushman J.,Wang Gung-Wu(ed.),Hong Kong Univ.Pr.1988, ms. 2
18.Ibid., ms. 3

Kebangkitan pergerakan komunis pada zaman darurat (1948-1960) telah mempercepatkan lagi penyerapan kaum Cina sebagai warganegara Malaya(19). Ini dicapai melalui usaha-usaha pemimpin-pemimpin Cina bukan komunis mencari kesefahaman dan kerjasama politik dengan pemimpin Melayu. Usaha-usaha ini kemudiannya menghasilkan Perikatan di antara United Malays National Organization (UMNO) dan Malayan Chinese Association (MCA) yang menuntut kemerdekaan daripada pemerintah British bersama Malayan Indian Congress (MIC) (20).

## 3.4 Masyarakat Cina Malaysia Kini

Sehingga hari ini, kelompok etnik Cina masih banyak berpegang kepada unsur-unsur tradisi, dari pemujaan nenek moyang, ke perayaan-perayaan yang berasal dari China seperti perayaan Tahun Baru, Chap Goh Meh, Ching Ming, Kuih Bulan dan lain-lain. Kesemua ini memperlihatkan kesinambungan peninggalan nenek-moyang mereka(21). Dari segi agama, majoritinya adalah penganut agama Buddha, iaitu 96.2%. Angka ini termasuk mereka yang mengikuti amalan Taoisme dan Confusianisme. Terdapat juga sebilangan kecil (kurang dari 200,000 orang) yang menganuti agama Kristian dan Islam(22).

Secara geografi, masyarakat Cina di Malaysia masih lagi banyak tertumpu di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia, khasnya di kawasan-kawasan bandar. Pola yang sama juga terdapat di Sabah dan Sarawak(23).

19.Chai, Hon-Chan, op. cit., ms. 9
20.Haris Md. Jadi, op. cit., ms. 42
21.Information Malaysia, op. cit., ms. 93
22.Ibid., ms. 83-4
23.Ibid., ms. 97

Walaupun Dasar Ekonomi Baru cuba mengikis identiti etnik dengan jenis kerjaya, komuniti Cina masih merupakan golongan terbesar dalam bidang-bidang jualan, pemasaran dan perkhidmatan kewangan (lihat Lampiran 3A).

## 3.5 Pendidikan Cina dan Sistem Pelajaran Malaysia

Sejak dahulu lagi pendidikan merupakan saluran utama untuk mencapai tahap mobiliti dan status sosial yang tinggi di China. Seseorang yang berpendidikan tinggi disanjung dan dihormati. Mereka juga sering diangkat menjadi pentadbir sesebuah kawasan atau negeri(24). Oleh itu, orang Cina di seluruh dunia terkenal dengan kesungguhan mereka terhadap pendidikan(25).

## 3.6 Sekolah Cina Awal di Persekutuan Tanah Melayu

Sekolah Cina pertama di Malaysia boleh dikesan sejak 1815(26). Ia dikenali sebagai sekolah `corak lama' (old style) yang tidak mempunyai keseragaman dari segi bahan pembelajaran. Sekolah corak lama ini lebih menekankan penghafalan karya-karya kesusasteraan China kuno yang panjang(27). Sekolah-sekolah ini tidak melebihi 20 orang murid yang ditempatkan di dalam sebuah dewan awam, kuil, ataupun di rumah seorang ketua. Pengajar biasanya terdiri daripada bekas guru yang telah bersara yang juga menjalankan tugas-tugas lain seperti doktor, tukang telek nasib dan juga sebagai pembaca dan penulis surat(28).

24.Kuo,P.W.,`The Chinese System of Public Education 1915', dlm. `Education',Ency. Britannica,vol.7,USA.,1973,ms. 1013-4
25.Tan,Koon-Swan,et al.,`Malaysian Chinese: Towards National Unity',P.J.,Eastern Univ.Pr.,1982, ms. 37
26.Kua, Kia-Soong,`The Chinese Schools of Malaysia: A Protean Saga',P.J., Eagle Trading.,1985, ms. 1
27.Loh,Fook-Seng,`Seeds of Seperatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940',Oxford Univ.Pr.,K.L.,1975, ms. 36
28.Loc.cit.

Sekolah-sekolah Cina berbentuk `moden' yang muncul selepas 1903 mempunyai kurikulum yang seragam dan keadaanya lebih baik dari sekolah corak lama (sila lihat Lampiran 3B untuk kurikulum sekolah Cina yang telah diseragamkan).

Segala pembiayaan sekolah-sekolah ini ditanggung sepenuhnya oleh komuniti Cina sendiri melalui persatuan perniagaan dan klan, kerana tiada sebarang bantuan disalurkan kepada sekolah-sekolah ini dari pihak penjajah(bantuan hanya bermula pada tahun 1930-an)(29). Ini menyebabkan penyelenggaraan sekolah-sekolah tidak memuaskan; bangunan serta alat pembelajarannya buruk dan tidak mencukupi. Tenaga pengajarnya juga tidak terlatih atau berkelayakan dan bahasa pengantarnya dalam berbagai-bagai dialek(30). Hanya pada tahun 1917, baru diperkenalkan bahasa pengantar `kuo-yu', iaitu bahasa `kebangsaan' (Mandarin).

Semenjak kebangkitan Revolusi China 1911, sekolah-sekolah Cina di Persekutuan Tanah Melayu (P.T.M.) turut merasa bahang nasionalisme China dan dituduh menjadi pusat menyemarakkannya (31). Tuduhan ini sememangnya berasas kerana guru-gurunya dilahirkan dan menerima pendidikan di China. Oleh kerana itu pendidikan yang disediakan adalah menerusi pengalaman negeri China. Kurikulum pendidikan Cina di P.T.M. juga berasaskan buku teks yang diimpot daripada China. Seterusnya, pengajaran di sekolah tersebut adalah terlalu asing kerana tidak berlatar-belakangkan P.T.M. Ini telah menggalakkan lagi kesedaran China yang terasing dari

---

29.Ho, Seng-Ong, <u>op. cit.</u>, ms. 40
30.<u>Ibid</u>., ms. 52-3
31.Loh, Fook-Seng, <u>op. cit.</u>, ms. 41

pengalaman tempatan(32).

3.7 Permulaan Campurtangan British Dalam Pendidikan Cina

Pergerakan Kuomintang yang mengkibarkan propaganda anti-kolonialisme di sekolah-sekolah Cina pada tahun 1920-an telah menimbulkan rasa khuatir pihak penjajah British terhadap akibat yang bakal dibawa oleh arus nasionalisme China ini. Keadaan ini bertambah runcing dengan pertambahan jumlah bilangan sekolah vernakular Cina. Pada 1924, jumlah bilangan sekolah-sekolah Cina ialah 564 buah dan jumlah pelajarnya 22,476 murid. Bilangannya bertambah menjadi 1,388 buah sekolah dan 193,340 orang murid pada 1947(33). Penjajah British mula campurtangan pendidikan Cina melalui pengenalan Enakmen Pendaftaran Sekolah yang berkuatkuasa pada tahun 1920. Tujuan enakmen ini ialah membendung kegiatan politik di sekolah Cina dengan memberi bantuan kewangan. Dengan bantuan ini, ia berharap dapat membenteras penyebaran pemikiran nasionalisme China melalui penyeliaan inspektor pendidikan ke atas sekolah-sekolah yang menerima bantuan(34)

Usaha-usaha campurtangan British mengawal kegiatan-kegiatan sekolah Cina tidak begitu berkesan. Ini kerana terdapat berbagai bentuk sekolah Cina di P.T.M. pada waktu itu. Sehingga 1947, hanya 2 buah sekolah vernakular Cina yang dikelolakan oleh pihak British, manakala yang lain dikendalikan oleh badan-badan lain seperti komuniti, orang perseorangan dan lain-lain (lihat Jadual 3.3).

---

32.Purcell, op. cit., ms. 102
33.Ho, Seng-Ong, op. cit., ms. 58
34.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 35

Terdapat empat jenis sekolah vernakular Cina yang utama pada tahun 1947. Ini meliputi sekolah kerajaan, sekolah kelolaan komuniti, sekolah mission dan sekolah swasta(yang dikelolakan oleh guru sendiri)(35).

Jadual 3.3:Jenis-jenis Sekolah Vernakular Cina di Persekutuan Tanah Melayu, 1947

| Jenis Sekolah | Bil.Sek. | Bil.Murid | Bil.Guru |
|---|---|---|---|
| Sekolah Kerajaan | 2 | 514 | 16 |
| Sekolah Komuniti | 1,119 | 171,493 | 4,812 |
| Sekolah Mission | 38 | 5,056 | 167 |
| Sekolah Swasta | 50 | 4,710 | 129 |
| Sekolah Swasta Lama | 15 | 746 | 26 |
| Sekolah Malam | 164 | 10,821 | 542 |
| Jumlah | 1,388 | 193,340 | 5,692 |

(sumber:Cheeseman;Annual Report on Education in the Malayan Union 1947, p.131-2)

Huluran bantuan kewangan oleh pemerintah British kononnya untuk kemajuan sekolah-sekolah Cina, sebenarnya merupakan satu muslihat untuk mengawal kegiatan sekolah Cina(36). Sekolah-sekolah yang ingin menerima bantuan ini harus membenarkan penyeliaan; di mana sekolah-sekolah yang didapati terlibat dalam aktiviti politik akan dinafikan pendaftaran dan bantuan(37). Diskriminasi dalam pembahagian bantuan yang begitu kecil dari tahun 1924 hingga 1938 (lihat Jadual 3.4) ini membuktikan bahawa kerajaan British tidak bersungguh-sungguh, sebaliknya mempunyai niat untuk menggunakan bantuan ini untuk mangawal sekolah-sekolah Cina serta

35.Ho, Seng-Ong, op. cit., ms. 58
36.Loh, Fook-Seng, op. cit., ms. 93
37.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 35

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

memundurkannya (38).

Jadual 3.4:Bantuan Kewangan Persekutuan Kepada Sekolah-sekolah Cina (1924-1938)

| Tahun | Jumlah Bantuan Utk Sekolah Cina | | @Jumlah Perbelanjaan Utk Pendidikan |
|---|---|---|---|
| | Jumlah | % drp @ | Jumlah |
| 1924 | $ 33,000 | 1.6 | $2,020,000 |
| 1925 | $ 39,000 | 1.7 | $2,290,000 |
| 1927 | $ 48,000 | 1.8 | $2,700,000 |
| 1928 | $ 56,000 | 1.9 | $2,970,000 |
| 1929 | $ 74,000 | 3.2 | $2,290,000 |
| 1930 | $ 78,000 | 3.2 | $2,420,000 |
| 1932 | $ 81,000 | 2.8 | $2,930,000 |
| 1933 | $ 78,000 | 2.9 | $2,650,000 |
| 1935 | $ 80,000 | 3.0 | $2,670,000 |
| 1937 | $158,000 | 4.2 | $3,770,000 |
| 1938 | $195,000 | 5.1 | $3,800,000 |

sumber: Loh Fook Seng, 1975, 93 (adapted)

Pemberian bantuan yang begitu kecil merupakan salah satu daripada polisi 'anglicisation' penjajah British. Tumpuan diberi kepada sekolah-sekolah vernakular Inggeris supaya lebih banyak sekolah Inggeris dibuka, dan ditawarkan pendidikan percuma untuk menarik murid-murid dari sekolah Cina masuk ke sekolah Inggeris (39). Pada masa yang sama, bantuan yang kecil untuk sekolah Cina ini diharap akan membawa kepada pemulauan dan kekurangan kecenderungan untuk mempelajari pendidikan Cina (40). Tujuan tidak menggalakkan pendidikan vernakular, menurut Furnivall, ialah untuk mengikis pandangan luar yang masih menganggap 'China dan India sebagai tanahair'(41).

---

38.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 42-3
39.Ibid., ms. 34
40.Ibid., ms. 43
41.Furnivall,'Colonial Policy & Practises:A Comparative Study of Burma and Netherlands India',Cambridge Univ.Pr.,1948,ms. 34

3.8 Kearah Pembentukkan Dasar Pelajaran di Malaya

Sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua, pemerintah British telah mula menilai dasar pendidikan dengan tujuan menggubal suatu dasar lain yang dapat memupuk kesefahaman di kalangan penduduk yang berbagai etnik. Dalam tahun 1940-an misalnya, lima daripada setiap enam orang murid di Malaya mendaftar di sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil. Keadaan ini tidak menggalakkan kesedaran kewarganegaraan yang sama di kalangan anak-anak berlainan etnik(42). Misalannya pendaftaran murid-murid Melayu di sekolah vernakular Melayu pada tahun 1930-an ialah 34,000, manakala yang mendaftar di sekolah Inggeris cuma 3,000. Bagi murid-murid Cina, 22,000 mendaftar di sekolah Cina dan hanya 9,000 di sekolah Inggeris. Begitu juga dengan murid-murid India yang mana seramai 12,000 orang murid memasuki sekolah vernakular Tamil dan hanya 5,000 sahaja di sekolah Inggeris (43). Sistem pendidikan Malaya sehingga waktu itu gagal untuk membawa masyarakat ke satu arah yang dapat mengintegrasikan masyarakat berbilang kaum di Malaya (44).

3.9 Laporan Barnes

Selepas Perang Dunia Kedua, pemerintah British mulakan usaha untuk menghapuskan pendidikan vernakular selain daripada vernakular Melayu supaya dapat membentuk satu sistem pendidikan yang satu (unified)(45). Satu jawatankuasa yang terdiri daripada lima orang Eropah dan sembilan orang Melayu telah dibentuk pada Jun 1950. Jawatankuasa ini diketuai oleh En.L.J.Barnes. Laporan

42.Ho, Seng-Ong, *op. cit.*, ms. 167-8
43.Loh, Fook-Seng, *op. cit.*, ms. 136-45
44.Ho, Seng-Ong, *op. cit.*, ms. 171
45.Kua, Kia-Soong, *op. cit.*, ms. 59

Barnes mencadangkan satu dasar pendidikan yang(46);

i. menyediakan pelajaran percuma dalam bahasa Inggeris dan Melayu, selama 6 tahun untuk kanak-kanak semua kaum yang berumur 6-12 tahun,
ii. memperkenalkan satu jenis sekolah rendah yang terbuka kepada semua bangsa dengan guru yang terdiri daripada berbagai bangsa,
iii. pelajaran peringkat menengah hanya akan diadakan di dalam bahasa Inggeris sahaja dengan memberi peluang untuk mempelajari bahasa-bahasa lain dan
iv. setiap sekolah vernakular komuniti lain harus dihapuskan dan digantikan dengan satu sistem persekolahan Jenis Kebangsaan (47)

Cadangan Laporan Barnes ialah untuk menafikan pengiktirafan sekolah-sekolah vernakular, dan pada masa yang sama bertujuan menghasilkan murid-murid yang boleh bertutur dalam dua bahasa apabila sampai ke peringkat umur 12 tahun(48).

Laporan ini telah mendapat tentangan yang sangat kuat daripada masyarakat Cina. Setiap persatuan klan di seluruh Malaya telah bersatu dan bekerjasama untuk mempertahankan kewujudan sekolah Cina(49). Dengan terang, laporan ini dilihat sebagai usaha pihak British untuk menghentikan pembelajaran budaya Cina, kerana isu bahasa dan pendidikan dianggap sebagai identiti utama mereka(50). Kemarahan ini juga membangkitkan semula reaksi kaum Cina terhadap sikap sangsi British yang menuduh sekolah-sekolah Cina menjadi pusat penyebaran fahaman komunis dan semangat nasionalisme Kuomintang(51). Sentimen identiti ke-Cina-an seterusnya dikuatkan lagi akibat dari ini.

46. Haris Md. Jadi, <u>op. cit.</u>, ms. 30
47. Kua, Kia-Soong, <u>op. cit.</u>, ms. 60
48. Haris Md. Jadi, <u>op. cit.</u>, ms. 32-3
49. Kua, Kia-Soong, <u>op. cit.</u>, ms. 64
50. Tan, Chee-Beng, <u>op. cit.</u>, ms. 142
51. Chai, Hon-Chan, <u>op. cit.</u>, ms. 21

## 3.10 Laporan Fenn-Wu

Untuk mententeramkan kemarahan kaum Cina, pihak British seterusnya menjemput dua orang pegawai, Dr.William P. Fenn, seorang pendidik Cina yang berasal dari Amerika Syarikat, dan Dr.Wu Teh-Yao, seorang pegawai dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada bulan Januari 1951 untuk mengkaji pendidikan Cina di Malaya. Laporan Fenn-Wu mencadangkan;

i. pendidikan dan budaya Cina tidak harus dihalang,
ii. sistem pendidikan Cina menyediakan pembelajaran bahasa Melayu dan Inggeris, supaya pelajar-pelajar Cina fasih dalam dua atau ketiga-tiga bahasa,
iii. sekolah Cina tidak boleh dihapuskan kecuali dengan kemahuan komuniti Cina itu sendiri dan
iv. dasar pendidikan harus ditujukan ke arah integrasi pendidikan Cina ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, tanpa mengancam kedudukan sekolah tersebut.

Laporan ini telah mencerminkan pendapat seluruh komuniti Cina, dengan mempertahankan pendidikan dan kebudayaan Cina. Pandangan yang diketengahkan ialah, bahawa proses kesefahaman budaya hanya boleh berlaku secara beransur-ansur dengan sendirinya tanpa sokongan luar(52).

## 3.11 Laporan Razak

Setelah kejayaan Parti Perikatan dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955, Dato' Abdul Razak Bin Hussein, Menteri Pelajaran pada ketika itu telah mengetuai satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada 4hb. September 1955. Tujuannya untuk membentuk satu sistem pelajaran yang baru bagi negara yang bakal mencapai kemerdekaan Jawatankuasa ini telah menghasilkan Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956; atau lebih dikenali sebagai Laporan Razak.

Secara umumnya, Laporan Razak bersikap akomodatif kerana ia

52. Haris Md. Jadi, *op. cit.*, ms. 35

cuba memenuhi permintaan masyarakat berbagai etnik. Namun demikian Laporan ini mencadangkan supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan sambil mengekal dan mempertahankan pertumbuhan bahasa vernakular lain. Falsafahnya ialah memperkembangkan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik generasi muda masyarakat Malaya supaya dapat mencapai integrasi nasional(53).

Laporan ini juga telah mencadangkan pengubahsuaian serta penyelarasan kurikulum sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina Inggeris dan Tamil (Lampiran 3C). Di antara perkara-perkara penting yang terkandung di dalam Laporan ini ialah;

i. hanya 2 bentuk sekolah sahaja; sekolah swasta dan sekolah bantuan kerajaan; bantuan kepada sekolah kerajaan haruslah seragam di peringkat negeri dan persekutuan,
ii. semua sekolah rendah yang wujud akan ditukarkan menjadi sekolah Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala sekolah-sekolah vernakular Inggeris, Cina dan Tamil akan menjadi sekolah Jenis Kebangsaan dengan menggunakan bahasa vernakular masing-masing sebagai bahasa pengantar,
iii. kesemua guru menerima latihan yang sama,
iv. bahasa Inggeris dan Melayu dijadikan matapelajaran wajib di peringkat rendah, menengah, dengan peluang mempelajari bahasa-bahasa lain diberikan,
v. hanya satu jenis sekolah menengah sahaja diadakan, yang terbuka kepada semua kaum melalui pemilihan, satu silibus yang selaras dan kurikulum yang membenarkan pembelajaran kesemua bahasa dan kebudayaan yang terdapat di negara ini dan
vi. jadual waktu yang selaras dan kandungan silibus yang mempunyai orientasi nasional harus menjadi teras dalam dasar pendidikan yang akan memenuhi aspirasi kesemua kelompok etnik(54).

Berdasarkan Laporan Razak ini Rang Undang-Undang Pelajaran 1957 digubal. Namun demikian, terdapat beberapa kekurangan di dalamnya. Oleh itu pada bulan Febuari 1960, satu Jawatankuasa yang mengkaji semula dasar pelajaran telah ditubuhkan(55).

---

53. Haris Md. Jadi, <u>op. cit.</u>, ms. 35
54. Solomon, J.S. '<u>The Development of Bilingual Education in Malaysia</u>', P.J., Pelanduk Pub., ms. 42-3
55. Haris Md. Jadi, <u>op. cit.</u>, ms. 89

## 3.12 Laporan Rahman Talib

Seleps sahaja Pilihanraya Umum 1959, satu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang ahli M.C.A., seorang ahli M.I.C. dan empat orang ahli U.M.N.O., diketuai oleh Menteri Pelajaran Abdul Rahman Talib ditubuhkan untuk mengkaji semula Laporan Razak(56).

Secara umumnya, perubahan dan pengubahsuaian yang diketengahkan oleh Laporan Rahman Talib meliputi(lihat Lampiran 3D);

i. pendidikan percuma di semua peringkat sekolah rendah,
ii. umur penamatan sekolah dilanjutkan dari 12 hingga 15 tahun, iaitu peningkatan secara automatik dari darjah 1 hingga tingkatan 3,
iii. peperiksaan penilaian diadakan di peringkat sekolah rendah,
iv. pemilihan dan pembukaan peluang untuk murid-murid mengikuti pendidikan vokesyenal dan teknikal,
v. penukaran bahasa pengantar bahasa Inggeris di peringkat rendah dan menengah ke bahasa Malaysia dan
vi. sekolah menengah aliran Cina diberi pilihan sama ada bertukar ke sekolah aliran Inggeris(Jenis Kebangsaan dan terima bantuan kewangan) atau menjadi sekolah swasta.(57)

## 3.13 Reaksi Komuniti Cina Terhadap Dasar Pelajaran

Sebelum Ordinan Pelajaran 1957, sekolah-sekolah vernakular mempunyai kurikulum, kualiti pelajaran dan orientasi kebudayaan yang berbeza. Oleh kerana itu, pandangan dunia yang digalakkan sekadar mengekalkan budaya sendiri(58).

Sebagai usaha kerajaan mengikis orientasi budaya yang berbeza ini dan seterusnya membentuk perpaduan, perlaksanaan Dasar Pelajaran menerusi Laporan Razak, Rahman Talib dan seterusnya Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974, telah membentuk satu keseragaman, menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet;

---

56. Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 103
57. Haris Md. Jadi, op. cit., ms. 91
58. Chai, Hon-Chan, op. cit., ms. 26

"....kurikulum sekolah dan perpaduan adalah berkait rapat; kurikulum bantu membentuk keperibadian dan perwatakkan murid yang baik yang boleh bawa ke arah perpaduan. Murid-murid sekolah dari semua kaum dan lapisan masyarakat mengikuti kurikulum yang seragam melalui sukatan pelajaran yang sama kandungannya, kegiatan-kegiatan luar bilik darjah yang sama dan ambil peperiksaan awam yang sama." - perenggan 116(59).

Reaksi komuniti Cina terhadap Laporan Razak, yang mana menurut Ketua Jiao Zong (United Chinese School Teacher's Association of Malaya) pada waktu itu, En.Lim Lian Geok, sebagai "hanya mementingkan pendidikan Inggeris dan Melayu tanpa memperdulikan pendidikan Cina"(60). Ini adalah jelas dimana peperiksaan awam peringkat rendah, menengah dan peperiksaan perguruan yang diadakan hanya di dalam bahasa Inggeris; ini dilihat sebagai pelanggaran dasar laporan itu sendiri yang menyatakan keadilan kepada semua bahasa ibunda(61). Sebilangan besar pelajar yang terdidik dalam pendidikan Cina telah memboikot peperiksaan ini sebagai bantahan.

Sekolah-sekolah menengah Cina juga banyak yang terdesak untuk akur kepada Pengarah Pendidikan Persekutuan, di mana sekiranya sekolah-sekolah ini inginkan bantuan kewangan, mereka harus menukar menjadi sekolah Jenis Kebangsaan; ini melibatkan pernukaran bahasa pengantar dan kurikulum selaras dengan kehendak kerajaan(62). Ini juga ditafsirkan sebagai satu lagi langkah kerajaan untuk menghapuskan sekolah-sekolah Cina(63).

Laporan Rahman Talib juga mendapat tentangan yang kuat dari komuniti Cina, khasnya ketua-ketua parti politik yang

59.Malaysia, Kementerian Pelajaran, 'Laporan Jwt.Kuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979',K.L.,ms. 67
60.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 87
61.Ibid., ms. 88-9
62.Ibid., ms. 90
63.Ibid., ms. 92

berpendidikan Cina (contohnya Parti Buruh) yang melihat laporan ini sebagai melanggar Perlembagaan Persekutuan, Artikel 152, (yang mempertahankan hak pembelajaran dan penggunaan bahasa-bahasa lain), Laporan Razak Bab 1, Para 1(yang mempertahankan hak pendidikan dan kebudayaan komuniti-komuniti lain), dan juga manifesto Parti Perikatan yang menjaminkan kedudukan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan bukan Melayu(64).

Secara umumnya pemimpin-pemimpin Cina tidak membantah penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan(65). Tetapi apa yang ditakuti oleh komuniti Cina pada ketika itu ialah penyingkiran bahasa Cina daripada Sistem Pelajaran Kebangsaan. Kekhuatiran ini dimanifestasikan menerusi desakan pemimpin-pemimpin Cina untuk menjadikan bahasa Cina sebagai salah satu daripada bahasa rasmi Malaya;untuk menjamin pengekalan bahasa tersebut(66)

Pembekuan bantuan kewangan untuk sekolah-sekolah menengah Cina sejak 1961 telah menunjukkan pendirian kerajaan yang tegas untuk membentuk sistem dwi-bahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris di semua sekolah peringkat menengah. Majoriti sekolah menengah Cina telah akur kepada penukaran ini atas desakan masalah kewangan. Walaupun demikian, proses penukaran ini dilihat sebagai satu usaha menghapus budaya dan bahasa Cina(67), dan bukan sebagai masalah penerimaan atau pengajaran bahasa kebangsaan di sekolah Cina. Satu lagi usaha yang cuba memperoleh pengiktirafan untuk sekolah-sekolah Cina peringkat menengah telah disalurkan

---

64.Vasil,R.K.,'Politics in a Plural Society', S'pore, Oxford Univ.Pr.,1971,ms 136
65.Chai, Hon-Chan, *op. cit.*, ms. 23
66.*Ibid*., ms. 145
67.*Ibid*., ms. 40

menerusi permintaan pembinaan Universiti Merdeka, yang dirancangkan untuk menerima dan menyediakan pendidikan tinggi bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah Cina(68).

Langkah-langkah kerajaan untuk membatal sekolah vernakular Inggeris dan penukaran penuh sekolah-sekolah tersebut kepada sekolah Kebangsaan yang mengguna Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah mengakibatkan pola pendaftaran berubah corak di kalangan murid-murid Cina (lihat Jadual 3.5).

Jadual 3.5:Pola Pendaftaran di Sekolah Rendah Bantuan Melayu, Inggeris dan Cina Dari 1947-1975

| Tahun | Sek.Melayu | Sek.Inggeris | Sek.Cina |
|---|---|---|---|
| 1947 | 164,528(43.0%) | 45,174(11.8%) | 139,191(36.4%) |
| 1957 | 441,567(47.3%) | 130,360(14.0%) | 310,458(33.3%) |
| 1967 | 591,560(45.0%) | 289,056(22.0%) | 355,771(27.0%) |
| 1975 | 971,923(61.2%) | 53,598( 3.4%) | 480,984(30.3%) |

(sumber: Malaysia, Kementerian Pendidikan, Bah.Perancang dan Penyelidikan Pendidikan)

Pada tahun 1947, jumlah pendaftaran pelajar di ketiga-tiga sekolah vernakular Melayu, Inggeris dan Cina ialah seramai 348,893 orang. Angka ini bertambah menjadi 882,385 pada tahun 1957. Pada 1967 pula, ia bertambah menjadi 1,236,387 orang. Seterusnya pada 1975, seramai 1,506,505 orang.

Sekiranya diteliti secara terperinci, akan didapati bahawa untuk sekolah vernakular Melayu, angkanya bertambah dari satu tahap ke satu tahap yang berikutnya. Ini adalah akibat Dasar Pelajaran yang menekankan pendidikan rendah percuma bagi semua kanak-kanak yang berumur di antara 6-12 tahun. Tahap 1967-1975

68.Haris Md. Jadi, op. cit., ms. 157-8

memperlihatkan pertambahan pendaftaran yang begitu besar di sekolah ini. Ini kerana kesan langsung dari penukaran sekolah-sekolah vernakular Inggeris ke sekolah Kebangsaan.

Sekolah vernakular Inggeris menerima sambutan yang amat baik bermula dari awal tahap 1947-1967. Ini adalah kerana pendidikan Inggeris merupakan satu mekanisme yang sangat baik untuk mempercepatkan mobiliti sosial pada waktu itu(69). Pertambahan pendaftaran di sekolah-sekolah Inggeris ini disebabkan oleh ramai kanak-kanak Cina dihantarkan ke sekolah ini (kejatuhan peratus pendaftaran di sekolah Cina membuktikan ini). Tetapi setelah tahap itu, pendaftaran di sekolah ini menurun pada lewat tahun 1960-an dan pada 1975, hanya 53,598 orang murid sahaja yang tinggal (kejatuhan seramai 235,558 orang murid dari 1967). Ini adalah kerana, sejumlah besar murid Cina yang 'bakal' didaftarkan ke sekolah ini telah memilih sekolah vernakular Cina akibat daripada penukaran sekolah Inggeris ke sekolah Melayu(70).

Pola yang sama juga boleh dilihat berlaku di sekolah vernakular Cina. Sekolah-sekolah Cina telah mengalami kejatuhan peratusan murid di antara 1947 dan 1967; walaupun angka pendaftaran bertambah. 'Kempen Unggun' (Torch Campaign) yang dianjurkan oleh komuniti Cina untuk menggalakkan ibubapa menghantar anak-anak ke sekolah Cina pada awal tahun 1950-an(71) telah menghasilkan pendaftaran yang tinggi di antara tahun 1947 dan 1957 (pertambahan seramai 171,267 orang untuk tempoh itu), namun peratusan tetap berkurangan (36.4% pada 1947 ke 33.3% pada 1957).

69.Haris Md. Jadi, op. cit., ms. 18
70.Ho, Seng-Ong, op. cit., ms. 32
71.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 93

Penurunan peratusan ini adalah kerana semakin ramai murid-murid Cina didaftarkan ke dalam sekolah Inggeris, tetapi apabila sekolah Inggeris ini mula dimansuhkan, murid-murid Cina membanjiri sekolah-sekolah vernakular Cina pada awal tahun 1970-an.

Pasang-surutnya pendaftaran di sekolah Cina ini bukanlah diakibatkan oleh `kemajuan' sekolah-sekolah ini, tetapi lebih kepada sentimen identiti etnik yang dirasakan terancam oleh langkah-langkah kerajaan yang dilihat sebagai `mendiskriminasikan'(72). Sementara itu, komuniti Cina terpaksa juga menyesuaikan diri mereka dengan suasana baru selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971(73), yang mana telah menguatkan lagi perasaan ketidak-puasan dan deprivasi mereka, khasnya dalam isu-isu pendidikan dan budaya Cina(74). Reaksi negatif terhadap pendaftaran di sekolah-sekolah Kebangsaan sehingga kini (iaitu 88% daripada murid-murid Cina didaftarkan di sekolah Cina)(75) membuktikan sentimen identiti etnik yang semakin kuat dan sikap `defensive psychology' komuniti Cina terhadap kerajaan(76).

## 3.14 Pendidikan Cina di Malaysia Kini

Pendidikan Cina peringkat rendah, khasnya selepas pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), adalah seragam dengan pendidikan kebangsaan dari segi kurikulum, jadual waktu, peperiksaan penilaian, latihan dan kelayakan guru. Yang membezakannya ialah

72.Chua, David,`The Chinese Education and Cultural Vision', dlm. Ling Liong-Sik, et al.(ed.),`The Future of Malaysian Chinese', Kuala Lumpur, M.C.A., 1988, ms. 60
73.Ambrin Buang, op. cit., ms. 13
74.Chua, David, op. cit., ms. 58
75.Loh, Kok-Wah,`The Socio-economic Basis of Ethnic Conciousness The Chinese in Malaysia in the 1970s', dlm.`Moernisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa',Univ.Malaya,10-12 Jan.1983,ms. 19
76.Tan, Chee-Beng,`Nation Building..', op. cit., ms. 145

bahasa pengantarnya dalam bahasa Mandarin, manakala Bahasa Malaysia dan Inggeris adalah subjek wajib.

Selepas tamat darjah enam, murid-murid sekolah Cina mempunyai dua pilihan; sama ada mengikuti sekolah menengah kebangsaan atau mengikuti sekolah menengah swasta Cina. Untuk melanjutkan pelajaran di sekolah menengah kebangsaan, murid-murid ini harus mengikuti kelas peralihan selama satu tahun sebagai penyediaan. Syarat ini dikecualikan bagi mereka yang memperolehi 6A dalam peperiksaan penilaian KBSR (lihat Lampiran 3E untuk tinjauan sistem pendidikan Malaysia).

## 3.15 Pendidikan di Johor Bahru, Johor

Terdapat sejumlah 81 buah sekolah rendah di Johor Bahru. 53 buah daripada jumlah ini ialah sekolah Kebangsaan, 19 buah sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 9 buah Jenis Kebangsaan Tamil. Jumlah murid keseluruhannya pada tahun 1989 ialah 56,754 orang dan 1991 ialah 61,656 orang. Pada tahun 1989, terdapat 33,167 orang murid di sekolah Kebangsaan, 21,405 orang murid di sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 2,182 di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Tahun 1991 terdapat 35,904 orang, S.R.J.K.Cina 22,579 orang dan S.R.J.K.Tamil 3,173 (Jadual 3.6).

Jadual 3.6:Bilangan Murid Mengikut Jenis Sekolah di Johor Bahru 1989 dan 1991

| | 1989 | | 1991 | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil.Sek. | Bil.Murid | Bil.Sek. | Bil.Murid |
| S.R.Kebangsaan | 53 | 33,167 | 53 | 35,904 |
| S.R.J.K. Cina | 19 | 21,405 | 19 | 22,579 |
| S.R.J.K. Tamil | 9 | 2,182 | 9 | 3,173 |
| Jumlah | 81 | 56,754 | 81 | 61,656 |

(sumber:Jabatan Pendidikan Johor:Laporan Tahunan 1989 & 1991)

Di kawasan perumahan Larkin, terdapat empat buah sekolah rendah; Sekolah Rendah Kebangsaan Larkin 1 & 2, Sekolah Jenis Kebangssan Cina Foon Yew 3 & 5. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah Sekolah Foon Yew 3, dan Sekolah Larkin 1 & 2. Bilangan murid dan pecahan mengikut kumpulan etnik di sekolah-sekolah ini adalah seperti berikut;

Jadual 3.7:Bilangan Murid Mengikut Kumpulan Etnik Sekolah-sekolah S.R.K.Larkin 1 & 2, dan S.R.J.K.C.Foon Yew 3 & 5 pada 1991

| | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| S. R. K. Larkin 1 | 676 | 27 | 72 | 97 | 870 |
| S. R. K. Larkin 2 | 896 | 17 | 73 | 2 | 968 |
| S.R.J.K.C. Foon Yew 3 | 9 | 1,907 | 3 | 0 | 1,919 |
| S.R.J.K.C. Foon Yew 5 | 23 | 1,844 | 8 | 0 | 1,875 |

(sumber:Carta Pendaftaran Murid S.R.K.Larkin 1 & 2, S.R.J.K.C.Foon Yew 3 & 5, 1991)

Jadual 2.7 menunjukkan perbezaan yang sangat besar dalam bilangan jumlah murid. S.R.J.K.C.Foon Yew 1 & 3, masing-masing mempunyai hampir 2,000 orang murid, tetapi S.R.K.Larkin 1 & 2 hanya ada hampir 1,000 orang murid sahaja. Ini boleh dijelaskan dengan fakta bahawa penambahan pelajar di sekolah Cina di seluruh Johor Bahru untk 10 tahun yang lepas (1981) adalah sebanyak 36% (dari 16,589 pada 1981 ke 22,579 pada 1991), iaitu purata penambahan sebanyak 3.6% setahun. Peratus ini agak besar memandangkan penambahan kasar penduduk untuk negeri Johor hanyalah 2.3% setahun. Walau bagaimanapun, penambahan murid-murid yang pesat di kalangan sekolah-sekolah ini bukan suatu perkara yang menyeluruh. Ini kerana penambahan murid Cina di sekolah Cina di seluruh negeri Johor cuma 2.4% sahaja (iaitu dari 94,558 orang murid pada 1981 menjadi 96,918 pada 1991) dalam tempoh masa 10 tahun. Ini bermakna purata pertambahan hanyalah 0.24% setahun.

### 3.16 Penjelasan Penambahan Murid di S.R.J.K.C. di Johor Bahru

Perangkaan di atas jelas menunjukkan bahawa penambahan bilangan murid S.R.J.K.C. di daerah Johor Bahru adalah tidak selaras dengan penambahan penduduk etnik Cina di Johor Bahru mahupun di negeri Johor. Ini boleh diterangkan dengan penambahan migrasi antara daerah kecil dan cantuman Johor Bahru dengan Skudai, Kulai, Masai dan Pasir Gudang. Satu sebab lain mengapa bilangan murid-murid S.R.J.K.C. telah bertambah dengan pesat ialah kerana penutupan beberapa S.R.J.K.C. yang kecil (bilangan pelajar yang kurang dari 50 orang) di beberapa kawasan luar bandar di sekitar daerah Johor Bahru dan lain-lain daerah sepanjang 10 tahun yang lepas. Ini telah menggalakkan lagi penambahan bilangan pelajar S.R.J.K.C. di Johor Bahru, yang secara amnya lebih besar dan ternama.

### 3.17 Kesimpulan

Kewujudan pendidikan Cina di Malaysia hari ini merupakan satu kejayaan perjuangan komuniti Cina untuk memperolehkan legitimasi terhadap bahasa dan budaya Cina(77). Segala ini juga memperlihatkan pendidikan Cina sebagai satu isu politik komunal di Malaysia. Masyarakat Cina secara umumnya melihat dasar kerajaan sebagai diskriminasi terhadap etnik Cina; misalnya dalam pembahagian kewangan untuk kemajuan sekolah; sekolah Cina hanya menerima 7% sahaja daripada keseluruhan peruntukan yang berjumlah $263 juta dari 1971-1978 (sekolah Kebangsaan menerima 91% dan sekolah Tamil pula 2%)(78). Persoalan dalam kuota untuk mengikuti pengajian tinggi dan lain-lain bentuk institusi pembelajaran kerajaan juga tidak menggalakkan pandangan yang positif diberikan

kepada kerajaan(79).

Reaksi langsung dari komuniti Cina kini telah jelas menunjukkan bahawa pendidikan Cina terus akan disokong dan dipertahankan untuk masa-masa yang akan datang(80). Fakta memperlihatkan bahawa 88% daripada jumlah pelajar-pelajar Cina kini mengikuti pendidikan Cina membuktikan kesungguhan ini(81).

Manifestasi sentimen identiti etnik terhadap persoalan pendidikan Cina akan ditinjau dalam kajian latihan ilmiah ini. Saya akan cuba melihat kepada corak persepsi identiti etnik yang dipegang oleh para ibubapa yang memilih pendidikan Cina untuk anak-anak mereka. Sambil itu, tinjauan yang sama juga akan ditujukan kepada ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan, supaya satu pemahaman perbezaan sentimen identiti etnik yang mungkin wujud dapat dikesani. Sentimen identiti ini dikaitkan juga dengan corak sosialisasi dan hubungan jaringan sosial. Berdasarkan tiga aspek ini, kajian latihan ilmiah ini bertujuan untuk memahami faktor pengaruh kepada pemilihan aliran pendidikan anak-anak.

---

77.Kua, Kia-Soong, op. cit., ms. 1
78.Loh, Kok-Wah, op. cit.ms. 17
79.Ibid., ms. 4-7
80.Kua, Kia-Soong, op.cit.,ms. xiii
81.Loh, Kok-Wah, op.cit.,ms. 19

# BAB EMPAT

# SENTIMEN IDENTITI

4.1 Pengenalan

Bab Tiga telah memperlihatkan peningkatan pendaftaran di sekolah Cina sejak awal dekad 70-an. Ini mencadangkan bahawa masyarakat Cina mengalami suatu perubahan identiti. Bab ini akan melihat sentimen responden terhadap aspek-aspek identiti etnik. Pendirian mereka akan ditinjau melalui indeks budaya, ekonomi dan politik, sambil melihat perbezaan yang wujud di antara ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah Cina dan sekolah Kebangsaan.

Menurut Prof.Wang Gung-Wu, identiti etnik komuniti Cina di Asia Tenggara terdiri dari norma-norma fizikal, budaya, ekonomi dan politik(1). Identiti etnik untuk masyarakat ini, walaupun berunsur budaya (iaitu yang merangkumi identiti tradisi berdasarkan faktor sejarah; khasnya asal-usul bangsa), tetapi konsep identiti ini kini lebih berciri politik yang digunakan untuk memperjuangkan hak minoriti, supaya mendapat perhatian dan simpati dunia(2).

Identiti etnik Cina yang bercirikan norma fizikal meliputi aspek perkahwinan endogami, dan zuriat patrilineal sebagai saluran kesinambungan etnik. Norma budaya pula melibatkan dua bentuk; tradisional dan moden. Norma budaya tradisional termasuk segala yang dapat mengekalkan sifat `Cina' mereka, iaitu pembelajaran dan pengetahuan bahasa Cina, pengekalan adat-adat kelahiran, perkahwinan dan kematian bagi menguatkan ikatan kekeluargaan, serta menyokong persatuan klan sebagai tanda solidariti komuniti.

---

1. Wang, Gung-Wu, op. cit., ms. 10-15
2. Ibid., ms. 9

Manakala norma budaya moden yang diadaptasi oleh masyarakat Cina adalah untuk bentuk hidup semasa. Ini termasuk mutu pendidikan, kerjaya di luar lingkungan komuniti Cina, penguasaan bahasa lain, penukaran kepercayaan agama serta pengetahuan adat-adat masyarakat lain(3).

Norma-norma ekonomi dan politik masyarakat Cina mencerminkan kesan pemodenan. Nilai rasional dan kesedaran untuk tidak hadkan kegiatan ekonomi di peringkat saudara-mara dan corak kesetiaan dan komitmen politik yang tidak hanya ditumpukan kepada persatuan klan telah menunjukkan unsur kesan pemodenan(4).

Dalam kajian ini, ketiga-tiga norma budaya, ekonomi dan politik, kecuali norma fizikal akan dilihat. Ini adalah kerana norma fizikal tidak melibatkan sikap atau berbentuk 'attitudinal', tetapi lebih merupakan amalan hidup. Lagipun bentuknya terlalu umum (contohnya semua orang sudah sedia maklum bahawa komuniti Cina mempraktikkan sistem patrilineal dan seumpamanya).

## 4.2 Indeks Norma Budaya

Seperti mana yang dibincangkan di atas, norma budaya merangkumi unsur tradisional dan moden. Dalam kajian ini, pembahagian ini tidak dipentingkan. Apa yang ingin dilihat ialah; apakah sebenarnya yang dipersepsikan oleh ibubapa yang memilih aliran bahasa pengantar berlainan (Responden A adalah mereka yang memilih sekolah Cina dan Responden B, sekolah Kebangsaan), sebagai mencerminkan identiti etnik masyarakat Cina di Malaysia.

3. Wang, Gung-Wu, *op. cit.*, ms. 10-15
4. *Loc.cit.*

4.2.1 Bahasa

Hasil penemuan melihatkan satu perbezaan yang besar di antara Responden A dan Responden B (Jadual 4.1). Bagi ibubapa yang memilih pendidikan Cina, 58% menyatakan bahawa bahasa merupakan simbol identiti etnik yang utama bagi kelompok etnik Cina. Seramai lima orang (14%) lagi juga menyebutkan bahasa sebagai salah satu daripada simbol utama identiti etnik Cina. Sebaliknya bagi ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan tidak menunjukkan kecondongan dalam persepsi simbol identiti; namun demikian,kekuatan politik diutamakan (30%). Bilangan yang memberi tekanan kepada bahasa dan ekonomi juga tidak banyak berbeza, iaitu 23% sahaja.

Jadual 4.1: Persepsi Simbol Utama Etnik Cina

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 2 ( 6) | 1 ( 8) |
| Agama | 3 ( 8) | 1 ( 8) |
| Bahasa | 21 (58) | 3 (23) |
| Ekonomi | 4 (11) | 3 (23) |
| Politik | 1 ( 3) | 4 (30) |
| Agama & Bahasa | 3 ( 8) | 1 ( 8) |
| Agama,Bahasa & Ekonomi | 1 ( 3) | - - |
| Bahasa,Ekonomi & Politik | 1 ( 3) | - - |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Responden A tidak menunjukkan nilai yang tinggi terhadap simbol-simbol lain; 8% bagi agama, 11% ekonomi, dan 3% politik. Penemuan ini membuktikan bahawa Responden A memang melihat bahasa sebagai simbol utama yang mencerminkan identiti mereka. Menurut Dr. Tan Chee-Beng, kewujudan identiti budaya Cina adalah sangat berkait rapat dengan pendidikan dan bahasa Cina (5). Bahasa penulisan (written language) Cina, dipersepsikan sebagai faktor

5.Tan, Chee-Beng,`Ethnic Relations..', op. cit., ms. 46

perpaduan untuk menyatukan komuniti Cina (6).

Bahasa yang dipersepsikan sebagai mencerminkan identiti etnik ialah Mandarin. Mandarin dianggap sebagai bahasa kesusasteraan Cina, dan pengekalannya adalah wajar untuk menyatu-padukan masyarakat Cina yang terdiri daripada berbagai suku-etnik dengan dialek yang berlainan(suku terbesar ialah Hokkien yang merangkumi 31.6% daripada jumlah masyarakat Cina Malaysia, diikuti oleh Hakka 24.2%, Kantonis 18.5%, Teochew 11.9%, Hainan 4.5%, Hockchew 4.2%, Kwangsai 2.2%, Henghua 0.8%, Hockchia 0.3%, dan lain-lain 1.9%)(7).

Menurut Dr.Tan juga, masyarakat Cina Malaysia khasnya mereka yang berpendidikan Cina memegang kuat kepada pengekalan bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda; dan bukannya kepada dialek lain. Ini adalah kerana seseorang yang dikatakan celik-huruf dalam bahasa Cina adalah mereka yang boleh membaca dan menulis dalam Mandarin sahaja. Bahasa Mandarin juga sering dilihat sebagai 'jiwa' identiti Cina(8).

Penemuan kajian amat selaras dengan huraian di atas. Responden yang memilih sekolah Cina untuk anak mereka (kebanyakan mereka sendiri berpendidikan Cina) menyatakan bahawa Mandarin adalah bahasa yang mencerminkan identiti Cina (97%). Ibubapa yang memilih sekolah kebangsaan pula menunjukkan peratusan yang lebih kecil, iaitu 68% untuk bahasa Mandarin, tetapi peratusan yang lebih tinggi, iaitu 32% untuk dialek-dialek lain jika berbanding

---

6.Tan, Chee-Beng,'Ethnic Relations..', op. cit., ms. 50
7.Ibid., ms. 40
8.Tan, Chee-Beng, 'Nation-building...', op. cit., ms. 143

dengan Responden A; yang hanya 3% (lihat Jadual 4.2 di bawah).

Jadual 4.2:Persepsi Dialek Identiti Cina

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Mandarin | 35 (97) | 9 (68) |
| Teochew | - - | 1 ( 8) |
| Hokkien | - - | 1 ( 8) |
| Mandarin & Kantonis | - - | 1 ( 8) |
| Semua dialek | 1 ( 3) | 1 ( 8) |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Seperti yang saya nyatakan dalam Bab Satu, lingua-franca di kawasan kajian ini adalah bahasa Mandarin. Oleh itu tidak hairanlah mengapa begitu besar peratus responden yang melihat bahasa Mandarin sebagai bahasa yang paling mencerminkan identiti.

Dari segi penggunaan bahasa di rumah pula, terdapat perbezaan yang besar di antara Responden A dengan Responden B. Di kalangan ibubapa yang memilih pendidikan Cina sebilangan besar, iaitu 86%, menggunakan Mandarin atau campuran Mandarin dengan bahasa lain dalam pertuturan di rumah. Hanya 14% sahaja yang tidak bertutur dalam bahasa ini langsung. Manakala bagi ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan, majoritinya, 62% tidak bertutur dalam bahasa ini langsung. Cuma 23% sahaja yang menggunakan bahasa Mandarin sepenuhnya di rumah (Jadual 4.3).

Ini menampakkan bahawa bahasa Mandarin sangat penting untuk responden kajian. Walaupun Bahasa Mandarin ditafsirkan sebagai penting untuk mencerminkan identiti, tetapi ia tidak memainkan peranan yang sama dalam nilaian yang lain, seperti untuk pendidikan mahupun pekerjaan (Jadual 4.4).

Jadual 4.3:Bahasa Pertuturan di Rumah

| | Responden A Bil. ( %) | Responden B Bil. ( %) |
|---|---|---|
| Mandarin | 22 (61) | 3 (23) |
| Dialek | 3 ( 8) | 6 (47) |
| Mandarin & Dialek | 8 (22) | - - |
| Mand.,Dia. & Ing. | 1 ( 3) | 2 (15) |
| Inggeris | 1 ( 3) | 2 (15) |
| Bhs.M'sia & Ing. | 1 ( 3) | - - |
| Jumlah | 36 (100) | 13 (100) |

Untuk tujuan pendidikan, ibubapa yang memilih sekolah Cina kelihatan agak sekata dalam pemilihan bahasa untuk pendidikan. Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina masing-masing dirasakan sama penting, walaupun terdapat kecenderungan untuk bahasa Inggeris. Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan pula, majoriti melihat bahasa Malaysia sebagai bahasa terpenting untuk pendidikan (31%), dan diikuti dengan bahasa Inggeris (23%). Tiga responden (22%) juga memilih kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia sebagai bahasa utama untuk tujuan pendidikan. Ini membawa kepada sejumlah 76% yang mengakui kepentingan kedua-dua bahasa ini. Sementara itu, tiada Responden B yang melihat bahasa Cina sebagai penting untuk pendidikan.

Huraian di atas boleh dijelaskan dengan peluang pendidikan lanjutan. Ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah Kebangsaan secara amnya tiada pilihan lain untuk pendidikan menengah anak-anak. Ini kerana, anak-anak mereka hanya dapat meneruskan pendidikan menengah di sekolah menengah Kebangsaan sahaja. Oleh itu, penguasaan bahasa Malaysia yang baik amatlah perlu untuk menjamin kejayaan. Sebaliknya bagi ibubapa yang memilih pendidikan Cina, anak-anak mereka berpeluang untuk sama ada mengikuti

sekolah menengah swasta Cina atau sekolah menengah kebangsaan. Untuk pendidikan tinggi pula, mereka berpeluang untuk sama ada memasuki pusat pengajian swasta tempatan atau di Singapura dan Taiwan yang banyak menawarkan peluang. Oleh demikian, bahasa Cina mendapat perhatian yang lebih berbanding dengan bahasa Malaysia.

Jadual 4.4: Bahasa Yang Dirasakan Penting Untuk Pendidikan dan Kerjaya

| Responden A | Pendidikan Bil. | ( %) | Kerjaya Bil. | ( %) |
|---|---|---|---|---|
| Bahasa Malaysia | 8 | (22) | 3 | ( 8) |
| Bahasa Inggeris | 10 | (28) | 18 | (50) |
| Bahasa Cina | 9 | (25) | 9 | (25) |
| Bhs.M'sia & Ing. | 1 | ( 4) | 3 | ( 8) |
| Bhs.Cina & Ing. | 3 | ( 8) | 2 | ( 5) |
| Bhs.M'sia,Ing.,Cina | 3 | ( 8) | 1 | ( 4) |
| Lain-lain | 2 | ( 5) | - | - |
| Jumlah | 36 | (100) | 36 | (100) |
| Responden B | | | | |
| Bahasa Malaysia | 4 | (31) | 4 | (31) |
| Bahasa Inggeris | 3 | (23) | 3 | (23) |
| Bahasa Mandarin | - | - | - | - |
| Bhs.M'sia & Ing. | 3 | (22) | 6 | (46) |
| Bhs.M'sia & Cina | 1 | ( 8) | - | - |
| Bhs.Ing. & Cina | 1 | ( 8) | - | - |
| Bhs.M'sia,Ing. & Cina | 1 | ( 8) | - | - |
| Jumlah | 13 | (100) | 13 | (100) |

Untuk kerjaya anak-anak pula, ibubapa yang memilih pendidikan Cina merasakan bahawa bahasa Inggerislah yang paling penting untuk tujuan ini; 24 orang atau 67% memilih bahasa Inggeris, dan campuran bahasa ini dengan bahasa-bahasa lain. Bahasa Cina adalah pilihan kedua, 34% kesemuanya. Bahasa Malaysia menerima peratus paling kecil(8%). Responden B pula hanya mempersepsikan kedua-dua bahasa Malaysia dan Inggeris sahaja sebagai relevan untuk kerjaya anak-anak. Bahasa Cina langsung tidak difikirkan penting. Pemilihan ini boleh dijelaskan dengan persepsi

corak majikan yang bakal menyediakan pekerjaan, yang akan dibincangkan berikut dalam indeks ekonomi.

4.2.2 Agama

Selain dari bahasa, satu perkara lain berkaitan dengan budaya ialah agama. Menurut Dr.Tan Chee-Beng, komuniti Cina Malaysia tidak selalu menggunakan agama untuk mencerminkan identiti (9). Kajian ini juga membuktikan fakta ini. Hanya 4 daripada sejumlah 49 orang responden yang menyatakan bahawa agama ialah satu simbol identiti etnik penting (Jadual 4.1). Jadual 4.5 di bawah memperlihatkan persepsi agama identiti Cina.

Jadual 4.5:Persepsi Agama Identiti Cina

| | Responden A<br>Bil.( %) | Responden B<br>Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 1 ( 3) | 2 (15) |
| Buddha | 31 (86) | 10 (78) |
| Kristian | - - | 1 ( 8) |
| Buddha & Kristian | 2 ( 5) | - - |
| Buddha & Taoisme | 1 ( 3) | - - |
| Lain-lain | 1 ( 3) | - - |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Majoriti Responden A dan B menyatakan agama Buddha sebagai yang mencerminkan identiti etnik Cina (iaitu 86% dan 78%) masing-masing. Ini disebabkan juga oleh fakta majoriti responden beragama Buddha.

9.Tan, Chee-Beng,`Ethnic Relations..´, op. cit., ms.50

## 4.3 Indeks Ekonomi

Masyarakat Cina sering dianggap menguasai ekonomi negara(10). Walaupun ini merupakan satu tanggapan yang salah, tetapi secara amnya, memang terdapat kecenderungan komuniti Cina terlibat di dalam urusan-urusan perdagangan, pembinaan, perkhidmatan kewangan, insuran dan harta rumah-tanah berbanding dengan kelompok etnik yang lain (Lampiran 3A)(11). Kelompok etnik Cina Malaysia juga dominasi pemilikan hakmilik sektor perdagangan dan perkhidmatan (Lampiran 4A). Seterusnya pendapatan purata dan penengah yang tertinggi juga diperolehi berbanding dengan kumpulan etnik lain (Lampiran 2A). Segala ini telah menyumbang kepada anggapan penguasaan ekonomi tersebut. Ini sebenarnya boleh dijelaskan dengan corak pencarian hidup yang dilakukan oleh komuniti Cina itu sendiri. Oleh kerana sektor yang diceburi lebih berbentuk komersil, ia secara langsungnya turut menyumbang kepada pendapatan yang lebih baik berbanding dengan sektor-sektor lain; sektor pertanian contohnya (yang secara purata kurang diceburi oleh kelompok etnik Cina)(12).

### 4.3.1. Kerjaya

Masyarakat Cina Malaysia berpegang kuat kepada maruah-diri (dignity), dan penghormatan(13). Oleh sebab itu, mereka selalu menggunakan usaha sendiri untuk mencapai kejayaan; dan bukannya

---

10.Ishak Shari, Jomo K.S.,`Bolehkah Dasar Ekonomi Baru Mencapai Perpaduan Negara: Pembangunan dan Ketidaksamaan 25 Tahun Selepas Merdeka', dlm.`Modernisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa',Univ.Malaya, 10-12 Jan.1983, ms. 2

11.Malaysia,`Rancangan Malaysia 5', K.L.,1986, ms. 138

12.Ibid., ms. 139

13.Tan, Koon-Swan, op. cit., ms. ix

untuk mengharapkan pihak lain untuk bantuan. Sikap individualistik mereka meningkatkan lagi kesedaran diri-sendiri (16), dan seterusnya menyumbang kepada sikap berdikari. Ciri ini sedikit sebanyak membentuk semangat 'entrepreneurship' dalam jiwa mereka. Segala ini terbukti dari penemuan kajian yang mendapati 38 daripada 49 orang responden melihat usaha perniagaan sendiri sebagai sesuatu yang bersifat 'ke-Cina-an'.

Jadual 4.6:Persepsi Ekonomi Identiti Cina

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 4 (11) | 1 ( 8) |
| Berniaga sendiri | 27 (75) | 11 (84) |
| Bermajikan | 2 ( 6) | 1 ( 8) |
| Lain-lain | 3 ( 8) | - - |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Sebaliknya, bilangan responden yang melihat pekerjaan bermajikan adalah sangat kecil; iaitu hanya 3 orang sahaja. Tiada perbezaan yang besar di antara kedua-dua kategori responden dalam isu ini. Bilangan amat kecil ini yang melihat pekerjaan bermajikan sebagai sesuatu yang berciri 'ke-Cina-an' juga menunjukkan tahap ekspektasi yang amat rendah di kalangan responden. Ini agak selaras dengan penemuan kajian J.C.Bock yang pernah mengutarakan tahap ekspektasi yang rendah di kalangan komuniti Cina yang berpendidikan Cina berbanding dengan yang menerima pendidikan kebangsaan(15). Ini juga terbukti kebenarannya memandangkan sebilangan besar responden adalah mereka yang pernah menerima pendidikan Cina, oleh itu mereka lebih bercenderungan untuk berusaha sendiri.

14.Tan, Koon-Swan, op. cit., ms. 89
15.Bock,J.C.,'Education and Nation Building in Malaysia:A Study of Instituitional Effect in 34 Secondary School', dlm. Chai, Hon Chan, op. cit., ms. 62

4.3.2 Majikan

Untuk jenis majikan yang dipersepsikan sebagai lebih memberi peluang untuk kerjaya anak-anak pula, lebih ramai responden yang memilih sektor swasta; sama ada bentuk swasta Cina ataupun koperasi yang berbilang bangsa (35 daripada 49 orang responden) berbanding dengan sektor awam. Ini kerana jumlah pekerja Cina yang berkerja untuk kerajaan di peringkat persekutuan amatlah kecil sekali bilangannya; di mana pada tahun 1985 hanya 222,085 orang (27.1%) daripada jumlah 819,500 orang kakitangan kerajaan terdiri daripada etnik Cina(16). Corak majikan responden juga memenunjukkan yang majoriti berkerja sama ada untuk sektor swasta atau berkerja sendiri (lihat Bab Dua).

Jadual 4.7: Majikan Yang Dipersepsikan Sebagai Lebih Memberi Peluang

| | Responden A Bil. | ( %) | Responden B Bil. | ( %) |
|---|---|---|---|---|
| Tidak berjawab | 2 | ( 5) | - | - |
| Kerajaan | 6 | (17) | 3 | (23) |
| Sektor Swasta Cina | 13 | (36) | 3 | (23) |
| Koperasi Multinational | 13 | (36) | 6 | (46) |
| Kop.M'nal & Swa.Cina | 1 | ( 3) | 1 | ( 8) |
| Kop.M'nal & K'jaan | 1 | ( 3) | - | - |
| Jumlah | 36 | (100) | 13 | (100) |

Ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan lebih menganggap koperasi besar sebagai lebih menyediakan peluang kerana mereka sedar bahawa adalah sukar untuk anak-anak mereka bersaing dengan mereka yang berpendidikan Cina di sektor swasta Cina. Manakala ibubapa yang memilih pendidikan Cina melihat kedua-dua koperasi berbilang bangsa dan swasta Cina sebagai memberi tawaran yang sama kepada anak-anak mereka.

16. Rancangan Malaysia Kelima, ms. 102

Anggapan bahawa pihak kerajaan tidak memberi peluang pekerjaan sedikit sebanyak berkait dengan sentimen politik yang dipegang oleh komuniti Cina. Telah dinyatakan pada peringkat awal kajian ini, bahawa masyarakat Cina di Malaysia melihat dasar kerajaan sebagai penentang hak mereka dan bukannya sebagai satu badan yang sepatutnya menjaga kebajikan dan membantu mereka(17).

## 4.4 Norma Politik

Politik di Malaysia adalah berciri perkauman. Parti politik yang dominan semuanya merupakan parti-parti satu kaum tertentu (contohnya UMNO dan PAS untuk Melayu, MCA, untuk Cina dan MIC untuk India), sementara parti politik yang tidak berdasarkan perkauman (seperti PSRM, GERAKAN) adalah kurang berjaya(18). Walaupun DAP merupakan satu parti yang `multi-ethnic', tetapi sebenarnya didominasikan oleh Cina. Inilah mengapa ia mendapat sokongan dari komuniti Cina(19).

### 4.4.1 Parti Politik Cina

Masyarakat Cina Malaysia kini lebih bersatu dalam penilaian mereka untuk menghargai pihak-pihak yang memperjuangkan serta mempertahankan kepentingan Cina sebagai pemimpin yang sebenarnya; khasnya yang memperjuangkan pendidikan Cina seperti Jiao Zong (United Chinese Schools Teachers Association of Malaysia) dan UCSCA(United Chinese Schools Committee Association)(20). Sokongan ini juga dimanifestasikan melalui pendapat majoriti pemimpin pertubuhan berbangsa Cina yang menyatakan bahawa kebudayaan Cina

17. Tan, Chee-Beng, `Nation Building', op cit., ms. 145
18. ________________, `Ethnic Relations', op cit., ms. 43
19. ________________, `Nation Building', op cit., ms. 141
20. Loh, Kok-Wah, op cit., ms. 19

tidak diperkembangkan atau dibangunkan secukupnya(21). Oleh itu, mana-mana pihak yang dipersepsikan sebagai memperjuangkan budaya Cina telah digelar 'minzu-yingxiong'(race heroes)(22).

Komuniti Cina di Johor Bahru, rata-ratanya adalah penyokong M.C.A., kerana parti pembangkang yang kuat di sini adalah Parti PAS, Semangat 46 dan PRM (pilihanraya 1990); kesemua parti-parti ini tidak pro-Cina. Ini telah menyumbangkan kepada sokongan yang kuat diberikan kepada M.C.A. sebagai 'minzu-yingxiong' bagi kelompok etnik Cina di Johor Bahru. Penemuan kajian adalah selaras dengan persepsi ini di mana majoriti (34 daripada 49 orang responden) memilih M.C.A. sebagai parti politik yang boleh diidentifikasikan dengan komuniti Cina.

Jadual 4.8:Persepsi Politik Identiti Cina

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 10 (28) | 1 ( 8) |
| M.C.A. | 25 (69) | 9 (69) |
| D.A.P. | - - | 1 ( 8) |
| M.C.A. & D.A.P. | 1 ( 3) | 2 (15) |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Jadual 4.8 juga menunjukkan bahawa ramai responden yang tidak menjawab (11 orang). Ini mungkin disebabkan oleh 'keraguan' yang dihadapi. Misalnya, ramai yang tidak berpuas-hati dengan berbagai implimentasi dasar (contohnya Dasar Pendidikan yang akan dibuktikan kemudian), tetapi pada masa yang sama, mereka tidak

21.Halim Salleh, et al.,'Dasar Ekonomi Baru dan Persepsi Etnik di Kalangan Pemimpin Pertubuhan', dlm. Khadijah Muhamed & Halimah Awang(ed.),'Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depannya', K.L., Per. Sains Sosial M'sia, 1991, ms. 103
22.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 154

mempunyai sebarang pilihan untuk menyokong pihak pembangkang memandangkan parti pembangkang yang kuat di sini bukanlah parti Cina. Oleh itu, mereka tidak mempunyai pilihan yang boleh ditafsirkan sebagai pejuang kepentingan mereka.

Perbincangan seterusnya akan ditumpukan kepada isu-isu politik pendidikan.

### 4.4.2 Pendidikan

Secara umumnya, Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai objektif-objektif utama yang berikut; untuk melahirkan masyarakat yang bersepadu, dan berdisplin, serta memenuhi keperluan tenaga kerja yang terlatih bagi pembangunan negara, dan untuk memperkembangkan kemahiran-diri pelajar-pelajar(23) (lihat Lampiran 4B).

Dari data yang diperoleh, didapati lebih ramai responden tidak mengetahui dasar ini. Hanya 20 orang responden sahaja yang mengaku bahawa mereka tahu tentang dasar ini(29 orang lagi tidak). Ibubapa yang memilih pendidikan Cina mempunyai peratusan yang lebih tinggi mengatakan mereka tidak tahu tentang dasar ini(61%) berbanding dengan ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan (54%) (Jadual 4.9).

Jadual 4.9:Pengetahuan & Persetujuan Dasar Pendidikan Nasional

| | Responden A | | Responden B | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahu | Setuju | Tahu | Setuju |
| | Bil.( %) | Bil.( %) | Bil.( %) | Bil.( %) |
| Tidak berjawab | - - | 1 ( 3) | - - | 1 ( 8) |
| Ya | 14 (39) | 3 ( 8) | 6 (46) | 2 (15) |
| Tidak | 22 (61) | 8 (22) | 7 (54) | 2 (15) |
| Tiada komen | - - | 24 (67) | - - | 8 (62) |
| | 36(100) | 36(100) | 13(100) | 13(100) |

23.Ambrin Buang, *op. cit.*, ms.79

Bagi persetujuan dasar pula, majoriti(32 orang) tidak memberi sebarang pandangan. Sekali lagi, data menunjukkan peratus Responden A yang tidak bersetuju dengan dasar ini lebih tinggi daripada Responden B (22% dan 15%), manakala yang bersetuju pula, Responden B mempunyai peratus yang lebih tinggi dari Responden A (15% dan 8%).

Di antara kenyataan-kenyataan yang dikemukakan sebagai ketidak-puasan dari ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah Cina ialah;

i. dasar ini kurang memberikan perhatian kepada pendidikan Cina,
ii. penekanan yang terlalu banyak terhadap Bahasa Malaysia lalu mengabaikan bahasa Cina dan Inggeris,
iii. ramai yang tercicir hanya disebabkan oleh kelemahan Bahasa Malaysia dan
iv. ada yang mencadangkan bahawa bahasa Inggeris harus dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kerana mutu dan kegunaannya jauh lebih penting dari Bahasa Malaysia; yang mana hanya penting untuk pekerjaan di jabatan kerajaan sahaja.

Walaupun ibubapa yang memilih pendidikan kebangsaan lebih suka sekiranya bahasa Inggeris diberikan perhatian lebih, namun demikian terdapat juga yang merasakan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini memadai untuk menampung segala permintaan rakyat berbilang bangsa.

Dari perbincangan di atas, boleh dirumuskan bahawa majoriti responden kurang puas hati terhadap perlaksanaan dasar pendidikan. Ini kerana penekanan dan perhatian yang terlalu banyak diberikan kepada Bahasa Malaysia. Tambahan lagi sistem pendidikan ini juga mengabaikan bahasa Cina dan Inggeris, yang dirasakan lebih penting dari bahasa Kebangsaan. Ini sedikit sebanyak telah menghalang perlaksanaan pertama Dasar ini yang cuba mengenengah-

kan peranan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama sistem pendidikan(24).

Perlaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan juga ada menyebut tentang pemberian peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa Cina dan Tamil (Kelas Pupil's Own Language yang dikendalikan di sekolah-sekolah kebangsaan)(25). Walaupun demikian, masih ramai yang tidak mengetahui tentang hal ini. Sebilangan besar responden kajian tidak sedar tentang adanya kelas sedemikian. Ibubapa yang memilih pendidikan kebangsaan sendiri tidak tahu kewujudan kelas ini (Jadual 4.10).

Jadual 4.10: Kesedaran Adanya Kelas Pupils' Own Language

| | Responden A<br>Bil.( %) | Responden B<br>Bil.( %) |
|---|---|---|
| Ya | 22 (61) | 6 (46) |
| Tidak | 14 (39) | 7 (54) |
| | 36(100) | 13(100) |

Terdapat sungutan-sungutan yang menyuarakan ketidak-puasan di kalangan responden terhadap kelas POL ini. Di antara sebab-sebab yang menyumbangkan kepada keadaan ini ialah; kelas diadakan tidak selaras dengan kelas-kelas yang lain dan tidak dimulakan serta merta ketika pembukaan sekolah; kelas bahasa Cina terlalu sedikit dan tidak mencukupi, hanya 2 jam seminggu; kelas dikendalikan dengan tidak serius, dan tidak berkesan. Ramai juga ibubapa yang tidak setuju kelas-kelas dikendalikan selepas waktu sekolah (hanya 99 buah sekolah sahaja dari sejumlah 476 buah sekolah kebangsaan yang mengadakan kelas ini; dan 40 daripada 99 buah

24.Ambrin Buang, <u>op. cit</u>., ms. 80
25.<u>Ibid</u>., ms. 81

sekolah tersebut mengendalikannya pada luar waktu sekolah(26).

Tuan Hj.Yaakob Abd. Ghani, Ketua Bhg. Pembangunan, Jab. Pendidikan Johor menyatakan bahawa tujuan utama kelas-kelas ini diadakan ialah supaya dapat menarik minat ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan kerana bahasa Cina juga akan diajar di sana, seterusnya dapat menggalakkan integrasi, tetapi matlamat ini gagal.

Masyarakat Cina secara puratanya tidak bersetuju dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan atas isu bahasa, objektif lainnya, iaitu melahirkan tenaga kerja dan perpaduan negara tidak merupakan masalah kepada mereka. Jadi bolehkah budaya Cina diserapkan sepenuhnya ke dalam sekolah kebangsaan? Hasil kajian membuktikan bahawa ibubapa Cina sanggup menerima ini. Tiga puluh sembilan daripada 49 orang responden bersetuju dengan cadangan ini.

Jadual 4.11:Persetujuan Penyerapan Budaya Cina Ke Dalam Dasar Pendidikan

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 1 ( 3) | 2 (15) |
| Ya | 29 (81) | 10 (77) |
| Tidak | 6 (16) | 1 ( 8) |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Ini juga membuktikan bahawa ibubapa mementingkan persoalan integrasi, di mana kanak-kanak diberi peluang untuk bergaul bersama dalam satu sistem pendidikan yang betul-betul berkesan. Ibubapa yang memilih pendidikan Cina juga nampaknya setuju dengan cadangan ini; 29 orang atau 81% menyatakan begitu. Hanya 6 orang Responden A yang tidak setuju, dengan mengatakan bahawa sekolah

26.Laporan Tahunan Jab.Pendidikan Johor, ms. 55

Cina yang sedia wujud harus dipelihara dan dikekalkan.

Hasil kajian Halim Salleh, et al., mendapati walaupun ibubapa menyokong pendidikan yang boleh mewujudkan suasana 'multi-ethnic', tetapi mereka masih memilih pendidikan Cina(27). Ini juga jelas terbukti dalam kajian ini, di mana mutu pendidikan Cina dipersepsikan sebagai lebih tinggi dari sekolah Kebangsaan.

Jadual 4.12:Sekolah Yang Dipersepsikan Sebagai Lebih Berkualiti

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tidak berjawab | 5 (13) | 1 ( 8) |
| S.R.J.K.Cina | 29 (81) | 6 (46) |
| S.R.Kebangsaan | 1 ( 3) | 6 (46) |
| Lain-lain | 1 ( 3) | - - |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan sendiri juga menyatakan bahawa mutu pendidikan di sekolah Cina adalah lebih baik (6 orang, 46% berpendapat demikian). Ibubapa yang memilih pendidikan Cina pula, 81% bersetuju bahawa pendidikan Cina (cuma 1 orang responden yang mengatakan bahawa pendidikan Inggeris yang ditawarkan di Singapura jauh lebih baik dari kedua-dua aliran pendidikan tempatan ini) lebih tinggi mutunya. Di antara kenyataan-kenyataan yang disuarakan untuk menyokong sekolah Cina ialah; membolehkan pembelajaran ketiga-tiga bahasa utama di Malaysia; dapat memperkembangkan pusaka tradisi kesusasteraan Cina; dapat mengekalkan kepentingan bahasa ibunda untuk meneruskan warisan; memudahkan kelancaran pemahamanan dengan berpengantarkan bahasa ibunda; guru-guru Cina mempunyai mentaliti yang berbeza dan lebih bertanggungjawab dalam tugas mereka dan tidak prejudis

27.Halim Salleh, et al., op. cit., ms. 110

terhadap anak-anak.

Kenyataan-kenyataan diatas berbau etnosentrisme. Ia seolah-olah menyatakan yang guru-guru di sekolah Kebangsaan kurang serius dan kurang bertanggungjawab.

Responden kajian sebulat suara mempersepsikan pendidikan Cina sebagai lebih bermutu. Ada beberapa orang responden yang bersikap chauvinistik menyatakan bahawa pendidikan Cina baik semata-mata kerana 'saya seorang Cina'.

Walaupun soal pendidikan tidak merupakan sesuatu yang bersangkut-paut dengan identiti politik, tetapi apa yang jelas di negara ini ialah isu pendidikan kini telah berciri politik. Masyarakat Cina rata-ratanya mempersepsikan sistem pendidikan negara sebagai tidak adil dan yang mendiskriminasikan(28). Dengan sistem kuota yang ada sejak perlaksanaan D.E.B. telah mengwujudkan sikap bahawa kemasukan ke pusat pengajian tinggi dan, seterusnya, untuk mobiliti sosial bukan lagi berdasarkan kebolehan seseorang, tetapi lebih kepada syarat-syarat askriptif(29). Pembahagian bantuan kewangan untuk melanjutkan pendidikan yang terlalu kecil (hanya 3.9% dari sejumlah 27,331 orang pelajar yang dapat bantuan dari 1980-84)(30) telah menambahkan lagi pandangan negatif ini.

Penemuan kajian jelas menunjukkan sikap yang kurang positif ditujukan kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan, tetapi saluran yang boleh memperjuangkan ketidak-puasan ini tidak ada; mahu

28.Halim Salleh, et al., op.cit., ms. 110
29.Loh, Kok-Wah, op.cit., ms. 4
30.Ling, Liong-Sik, ms. 73

tidak mahu mereka terpaksa mengaku dengan M.C.A. sebagai yang mencerminkan identiti etnik. Pandangan ini dapat dirumuskan dengan kenyataan yang agak kecewa dari seorang responden;

"...walaupun saya amat kesal(dengan Sistem Pendidikan), tetapi ini adalah keputusan kerajaan; tidak ada apa-apa yang boleh saya lakukan, saya tidak ada suara di dalamnya."

## 4.5 Kesimpulan

Di sini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa responden kajian mempunyai persepsi yang agak berlainan dalam aspek simbol budaya identiti etnik. Ibubapa yang memilih aliran pendidikan Cina lebih kuat dalam pegangan identiti Cina penting dicerminkan melalui bahasa, berbanding dengan ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan. Menurut Dr.Tan Chee-Beng, mereka yang sanggup melepaskan bahasa Cina secara umumnya terdiri dari mereka yang bersikap `integrationist', yang lebih mementingkan kemajuan bahasa Malaysia dan Inggeris(31). Ibubapa yang memilih pendidikan Cina tidak tergolong dalam kategori ini.

Untuk simbol identiti norma ekonomi pula, masih memegang persepsi stereotype `orang Cina sebagai peniaga yang baik'(32), yang dipegang oleh kedua-dua kategori responden ini. Selain daripada itu, stereotaip `orang Cina yang berdikari dan tidak mengharapkan bantuan kerajaan'(33) juga dapat dikesan.

Ibubapa yang memilih aliran pendidikan yang berbeza dalam kajian ini tidak bercanggah dalam persepsi norma politik. Menurut Loh Kok Wah, kini telah memperlihatkan kehilangan pemisah tradisi

---

31.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 152
32.Ibid., ms. 159
33.Ness, G., op. cit., ms. 46

ideologi di antara mereka yang berlainan pendidikan, tetapi mula menampakkan kerjasama dalam isu politik(34). Ini memang jelas dari penemuan kajian yang membuktikan bahawa sokongan telah ditumpukan kepada parti politik yang pro-Cina; walaupun parti ini amat mengecewakan dalam perjuangan mereka.

Perbincangan isu persepsi identiti etnik ini adalah akibat corak sosialisasi yang diperolehi. Segala stereotaip dan kesangsian terhadap isu-isu tertentu adalah juga dibentuk dari proses ini. Bab Lima akan melihatkan corak sosialisasi yang diperolehi dari segi latar-belakang sosial responden.

---

34.Loh, Kok Wah, op. cit., ms. 19

# BAB LIMA

# ASPEK SOSIALISASI

## 5.1 Pengenalan

Perbincangan di Bab Empat menunjukkan adanya perbezaan persepsi identiti budaya di antara ibubapa yang memilih aliran pendidikan yang berlainan. Dalam bab ini pula, saya akan melihat corak sosialisasi dan latarbelakang responden, seperti tempat dilahirkan, dibesarkan, jenis pendidikan yang diperolehi serta bentuk media massa yang mereka ikuti dan hubungannya dengan pemilihan jenis pendidikan anak-anak.

Masyarakat Cina secara umumnya didapati masih lagi berpegang kepada ide stereotaip bahawa mereka, menurut G.Ness, rajin, berorientasikan kejayaan (achievement oriented), opportunistik, berdikari dan memiliki kemahiran berniaga (1). Sebaliknya stereotaip kepada kelompok etnik Melayu pula sebagai malas, kurang berniat untuk berjaya, tidak berdikari dan selalu memerlukan bantuan kerajaan(2). Apakah sebenarnya yang menyebabkan stereotaip ini wujud? Menurut Dr.Tan Chee-Beng, pembentukan stereotaip banyak bergantung kepada situasi sosial dan pengalaman interaksi dengan kumpulan luar (outgroup interaction), serta tahap identiti etnik yang dipegang(3). Stereotaip yang etnosentrik sering dilahirkan dalam keadaan atau suasana di mana interaksi antara kelompok etnik yang kurang (4).

Kajian ini akan melihat corak sosialisasi dari segi keadaan sosial dan pengalaman interaksi para responden.

---

1.Ness,G., <u>op. cit</u>., ms. 46
2.<u>Loc.cit</u>.
3.Tan, Chee-Beng, <u>op. cit</u>., ms. 50
4.<u>Ibid</u>., ms. 51

an Kebangsaan (Responden B). Memandangkan pendedahan kepada kelompok etnik lain adalah terhad di kalangan Responden A, maka ini mungkin menyumbangkan kepada kefahaman yang rendah tentang kelompok lain lalu membenarkan sikap etnosentrisme dan stereotaip berkekalan (seperti mana yang ditemui dalam Bab Empat). Keadaan ini tidak menggalakkan pergaulan yang bebas dan seterusnya menghalang pembinaan bangsa (nation-building). Ini adalah kerana faktor utama untuk mencapai tujuan ini ialah pengalaman yang sama hasil dari interaksi antara etnik yang kerap(6).

Keterpencilan ini ditambah dengan corak pendidikan yang diterima. Chai Hon-Chan pernah menyatakan bahawa murid-murid yang menerima pendidikan Cina diserap ke dalam 'dunia' mereka yang tersendiri. Proses sosialisasi di sekolah menebalkan lagi identiti Cina masing-masing, manakala mereka yang berpendidikan Kebangsaan pula mengalami perubahan nilai dan budaya yang lebih bercorak Malaysia(7).

## 5.3 Sosialisasi Dari Aspek Pendidikan Responden

Sebelum melihat jenis pendidikan responden, adalah elok sekiranya kita melihat tahap pendidikan responden (Jadual 5.2).

Jadual 5.2: Pendidikan Tertinggi Responden

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Tiada | 1 ( 3) | - - |
| Sekolah Rendah | 13 (36) | 3 (23) |
| Sekolah Menengah | 19 (53) | 8 (62) |
| Pengajian Tinggi | 3 ( 8) | 2 (15) |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

---

6.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 19
7.Chai, Hon-Chan, op. cit., ms. 65-6

Terdapat sebilangan besar responden memperolehi pendidikan menengah dan selanjutnya, iaitu seramai 32 orang. Responden yang memperolehi pendidikan rendah sahaja ialah seramai 16 orang. Peratusan pendidikan menengah dan tinggi adalah lebih di kalangan ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan iaitu 77% berbanding ibubapa yang memilih pendidikan Cina, 61%.

Jenis pendidikan yang diterima dari peringkat rendah, menengah dan tinggi adalah seperti di Jadual 5.3 berikut.

Jadual 5.3: Bahasa Pengantar di Sekolah Rendah Menengah dan Pengajian Tinggi Responden

| Responden A | Sek.Rendah Bil.( %) | Sek.Menengah Bil.( %) | P.Tinggi Bil.( %) |
|---|---|---|---|
| Tiada | 1 ( 3) | 12 (33) | 28 (78) |
| Bahasa Malaysia | 1 ( 3) | 2 ( 6) | 1 ( 3) |
| Bahasa Inggeris | 5 (13) | 16 (44) | 5 (13) |
| Bahasa Mandarin | 29 (81) | 6 (17) | 2 ( 6) |
| | 36(100) | 36(100) | 36(100) |
| Responden B | | | |
| Tiada | - - | 3 (23) | 11 (84) |
| Bahasa Malaysia | 2 (15) | 3 (23) | 1 ( 8) |
| Bahasa Inggeris | 1 ( 8) | 4 (31) | 1 ( 8) |
| Bahasa Mandarin | 10 (77) | 3 (23) | - - |
| | 13(100) | 13(100) | 13(100) |

Sebahagian besar (81%) ibubapa yang memilih pendidikan Cina (Responden A) menerima pendidikan Cina di peringkat rendah. Ramai, iaitu 12 orang berhenti di peringkat ini. Apabila mencapai peringkat menengah, sebilangan besar iaitu 16 orang(44%) menyambung pelajaran di sekolah Inggeris, 2 orang(6%) sekolah Melayu dan 6 orang(17%) meneruskan persekolahan dalam pendidikan Cina. Sebahagian besar (28 atau 78%) berhenti di peringkat ini. Dari 8 orang(22%) yang terus mengikuti pengajian tinggi, 5 orang mengi-

kuti pendidikan Inggeris, 1 orang Bahasa Malaysia dan 2 orang pula pendidikan tinggi Cina.

Analisis pendidikan responden ini menunjukkan bahawa majoriti, iaitu 16 orang menerima kedua-dua pendidikan Cina dan Inggeris. Ini tergolong dalam tipologi yang dikemukakan oleh Dr.Tan Chee-Beng(sila lihat Rajah 5A) sebagai 'Chinese Educated Type 2'. Golongan ini merupakan generasi yang terakhir untuk menerima pendidikan Inggeris, oleh itu Dr.Tan menyifatkan mereka sebagai golongan yang akan pupus. Golongan yang hanya menerima pendidikan Inggeris sahaja berjumlah 5 orang(13%). Kelima-lima ini berjaya sampai ke peringkat pengajian tinggi dalam aliran ini. Mereka tergolong dalam kategori 'English Educated Type 2', yang akan pupus juga. Mereka yang hanya menerima pendidikan Cina sahaja ('Chinese educated Type 1') adalah golongan kedua besar; seramai 17 orang.

Sebilangan besar (10 orang atau 77%) ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan untuk anak-anak mereka juga melalui pendidikan Cina di peringkat rendah. Tetapi hanya 3 dari 10 ini yang kekal mengikuti pendidikan Cina di peringkat menengah, manakala yang bakinya 3 orang(23%) memasuki sekolah Kebangsaan dan 4 yang lain (31%) mengikuti pelajaran di sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris. Ramai Responden B juga terdiri dari Chinese Educated Type 2 seperti Responden A. Tetapi mereka yang menerima pendidikan Kebangsaan lebih ramai, iaitu 23% di peringkat menengah, berbanding dengan 6% untuk Responden A. Di kalangan Responden B ini juga, 6 orang yang terdiri dari 'Chinese educated Type 1', 2 orang yang berpendidikan Melayu dan seorang 'English educated Type 2'.

Rajah 5A:Education and Chinese Identity

| Med.ofEdu | Types of Chinese | Main Characteristics | Trends |
|---|---|---|---|
| Chinese | Chinese educated Type 1 | Received Chinese education only | Will persist |
| | Chinese educated Type 2 | Received both English and Chinese education | Will Disappear |
| | Chinese educated Type 3 | Received both Malay and Chinese education | Will become more important |
| English | English educated Type 1 | Received English education and socialized in English speaking environment | Will disappear, but the English speaking Chinese will persist |
| | English educated Type 2 | Received English education and grew up in Chinese speaking home environment | Will disappear |
| | English educated Type 3 | Peranakan Chinese who received English education | Will disappear, but the English speaking Chinese will persist |
| Malay | Malay educated | Comprises the majority who grow-up in Chinese speaking home environments & a small minority who grow up in Malay speaking environments(Peranakan Chinese), as well as those from English speaking families | Will become more important |

(sumber:Tan Chee-Beng, `Nation Building and Being Chinese in a S.E.A. states: Malaysia, ms. 150)

Tujuan mengkategorikan responden mengikut tipologi ini ialah untuk mengesan jenis identiti yang wujud di kalangan mereka. Menurut tipologi Dr.Tan, mereka yang tergolong dalam `Chinese educated Type 2' mempunyai ciri-ciri yang masih kuat untuk mempertahankan ketulenan budaya dan identiti Cina(8). Ramai di kalangan ibubapa yang memilih sekolah Cina untuk anak-anak terdiri dari golongan ini. Lebih ramai(23%) dari Responden B tidak pernah menerima pendidikan Cina. Ini membuktikan bahawa golongan ini lebih mudah mahu mendidik anak-anak mereka dalam Bahasa Kebangsaan. Ini kerana sentimen etnik Cina mereka tidak sekuat sentimen etnik bagi ibubapa yang menerima pendidikan Cina(9). Ini kerana jenis pendidikan yang diterima sedikit sebanyak mempengaruhi pandangan luar politik masyarakat Cina Malaysia(10). Selain itu, pendedahan kepada jenis bahasa media massa juga mempengaruhi sentimen ini(11).

## 5.4 Sosialisasi Dari Aspek Pendedahan Media-Massa

Saya telah nyatakan bahawa media massa memainkan peranan dalam pembentukkan pandangan luar dan sikap seseorang (Bab Dua). Media massa elektronik atau cetak adalah sumber yang penting untuk membina kepercayaan dan nilai dalam dunia sosial individu yang terdedah kepadanya(12). Walaupun sikap seseorang tidak boleh diubah sepenuhnya oleh media, tetapi peranannya dalam mempengaruhi kekukuhan sikap adalah penting(13).

---

8.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 153
9.Ibid., ms. 154
10.Loc.cit.
11.Loc.cit.
12.Cashmore, op. cit., ms. 157
13.Ibid., ms. 159

Menurut Dr.Kua Kia-Soong, media massa yang terdapat di Malaysia adalah di antara faktor yang mengancam perpaduan kerana media ini bercirikan chauvinisme, komunalisme dan rasisme(14). Ini benar kerana terdapat laporan-laporan akhbar utama yang sangat cauvinis. Terutamanya ketika musim kempen pilihanraya di mana parti-parti politik sengaja menggunakan isu etnik. Contohnya, Utusan Melayu telah melaporkan sessi dialog antara PAS dengan komuniti Cina (yang diadakan di dalam dewan persatuan Cina) pada 11-2-1985 dengan menggunakan 'sub-headline' muka depan berikut;

"Dewan ini biasanya digunakan untuk hidangan babi dan minuman keras"- (Utusan Malaysia, 12-2-1985)

Memang sudah menjadi satu kebiasaan bagi media-massa, khasnya surat-akhbar, melahirkan kecondongan etnik dalam laporannya. Akhbar Cina lebih banyak melaporkan berita mengenai komuniti Cina. Sebaliknya akhbar Melayu lebih laporan mengenai komuniti Melayu. Akhbar-akhbar Inggeris tidak memihak mana-mana kelompok etnik(15).

Aliran bahasa media apakah yang dipilih oleh responden? Bagi media cetakan, didapati akhbar yang berbahasa Cina adalah lebih digemari; 27 orang(75%) daripada Responden A melanggan hanya akhbar Cina (Jadual 5.4). Responden B pula memperlihatkan peratusan lebih rendah dalam pelangganan akhbar Cina(38%). Yang lainnya, ramai (6 orang atau 46%) yang melanggan lebih dari satu aliran bahasa(campuran bahasa Cina dengan Inggeris dan Bahasa Malaysia).

---

13.Cashmore, op. cit., ms. 159
14.Kua, Kia-Soong,'Polarization in Malaysia', ms. 46
15.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 46

Jadual 5.4: Suratkhabar Yang Dilanggani

| | Responden A Bil.( %) | Responden B Bil.( %) |
|---|---|---|
| Nan Yang Shang Pao | 16 (45) | 2 (15) |
| Sin Chew Jit Poh | 7 (19) | 2 (15) |
| New Straits Times | 4 (11) | 1 ( 8) |
| Berita Harian | - - | 1 ( 8) |
| Nanyang & Berita Harian | 2 ( 5) | 2 (15) |
| Nanyang & Sin Chew | 1 ( 3) | - - |
| Nanyang & N.S.Times | 1 ( 3) | 4 (31) |
| Sinchew & B.Harian | 1 ( 3) | - - |
| Sinchew & Star | 1 ( 3) | - - |
| Sinchew & Lain-lain | 1 ( 3) | - - |
| Lain-lain | 2 ( 5) | 1 ( 8) |
| Jumlah | 36(100) | 13(100) |

Dr.Tan Chee-Beng pernah menyatakan bahawa corak pendedahan media massa yang berbeza adalah berdasarkan perbezaan jenis pendidikan yang diterima(16). Memandangkan 39 dari jumlah responden pernah menerima pendidikan Cina, maka tidak hairanlah mengapa hampir semua responden membaca akhbar Cina. Tidak ada perbezaan yang jelas untuk kedua kategori Responden A atau B. Hanya 6 orang responden sahaja yang tidak melanggan sebarang akhbar dalam bahasa Cina. Namun demikian, untuk media elektronik, pemilihan rancangan serta kegemaran bahasa rancangan tidak mempunyai kaitan rapat dengan corak pendidikan yang diterima(Jad.5.5).

Dari data Jadual 5.5 telah menunjukkan satu kesamaan untuk ibubapa yang memilih pendidikan Cina; kesemua 35 orang responden langsung tidak menonton sebarang rancangan yang berbahasa Malaysia. Hanya seorang sahaja yang menyatakan dia gemar rancangan dalam ketiga-tiga bahasa (termasuk Bahasa Malaysia). Majoriti lebih gemar menonton rancangan-rancangan yang berbahasa Cina; 25

16.Tan, Chee-Beng, op. cit., ms. 148

orang (69%) hanya menonton rancangan berbahasa Cina sahaja.

Jadual 5.5:Bahasa Drama,Berita,Rencana & Hiburan Yang Digemari

| RESPONDEN A | Drama Bil. | (%) | Berita Bil. | (%) | Rencana Bil. | (%) | Hiburan Bil. | (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tidak berjawab | 4 | (10) | 2 | ( 5) | - | - | 3 | ( 8) |
| Bahasa Malaysia | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Bahasa Inggeris | 6 | (17) | 6 | (17) | 12 | (33) | 5 | (14) |
| Bahasa Cina | 24 | (67) | 26 | (72) | 23 | (64) | 27 | (75) |
| Bhs.Ing. & Cina | 1 | ( 3) | 1 | ( 3) | - | - | - | - |
| Bhs.M'sia,Ing & Cina | 1 | ( 3) | 1 | ( 3) | 1 | ( 3) | 1 | ( 3) |
| | 36 | (100) | 36 | (100) | 36 | (100) | 36 | (100) |
| **RESPONDEN B** | | | | | | | | |
| Tidak berjawab | 3 | (22) | 1 | ( 8) | 3 | (23) | 2 | (14) |
| Bahasa Malaysia | 1 | ( 8) | 2 | (15) | - | - | - | - |
| Bahasa Inggeris | - | - | 1 | ( 8) | 3 | (23) | 1 | ( 8) |
| Bahasa Cina | 8 | (62) | 6 | (46) | 5 | (38) | 8 | (62) |
| Bhs.M'sia & Cina | - | - | 2 | (15) | - | - | - | - |
| Bhs.Ing. & Cina | - | - | - | - | 1 | ( 8) | 1 | ( 8) |
| Bhs.M'sia,Ing & Cina | 1 | ( 8) | 1 | ( 8) | 1 | ( 8) | 1 | ( 8) |
| | 13 | (100) | 13 | (100) | 13 | (100) | 13 | (100) |

Responden B lebih terbahagi dalam pemilihan bahasa rancangan namun kecenderungan kegemaran adalah kepada rancangan-rancangan bahasa Cina (purata 7 orang responden,atau 52%).

Ini memberi gambaran yang agak menarik; keluarga (termasuk anak-anak) yang berpendidikan Cina tidak menonton rancangan-rancangan berbahasa Malaysia. Mereka hanya menonton rancangan-rancangan yang ditawarkan oleh saluran 8 (saluran bahasa Cina), menerusi Singapore Broadcasting Coperation (S.B.C.8). Ini adalah kerana rancangan T.V.Nasional cuma menyiarkan rancangan-rancangan berbahasa Cina selama hanya 2 jam sehari (lihat Rajah 5B), berbanding dengan 8 jam sehari yang ditawarkan oleh S.B.C.8. Dari rancangan kartun kanak-kanak, ke rancangan hiburan, berita serta rencana dewasa kesemuanya disiarkan dalam bahasa Cina. Dengan itu

mereka tidak perlu tahu bahasa lain untuk menyaksi siaran-siaran ini.

Komuniti Cina di bahagian-bahagian lain Semenanjung telah merungut yang rancangan T.V. dalam bahasa Cina adalah terlalu sedikit. Halim Salleh,et al., contohnya dalam kajian mereka telah mendapati bahawa ramai pemimpin Cina merasakan bahawa budaya Cina kurang diperkembangkan secukupnya melalui media-massa(17). Sungutan ini ditegaskan oleh Menteri Penerangan bahawa RTM hanya akan mengakui satu bahasa; iaitu Bahasa Malaysia. Bahasa-bahasa lain adalah untuk tujuan komunikasi di peringkat bawahan (18). Tetapi untuk komuniti Cina di Johor Bahru, mereka tidak menghadapi kesulitan untuk mendapatkan siaran Cina ini.

Boleh dibuat kesimpulan di sini bahawa ibubapa yang memilih aliran pendidikan yang berlainan mempunyai corak kegemaran terhadap media elektronik dan cetak yang berbahasa Cina. Faktor penyebabnya ialah kerana majoriti daripada mereka adalah berpendidikan Cina. Untuk ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan pula, walaupun majoriti pernah menerima pendidikan Cina, tetapi mereka mengetahui perlunya ada pendedahan Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk membantu atau setidaknya memajukan pengetahuan anak-anak terhadap bahasa ini.

17.Halim Salleh, et al., op. cit., ms. 103
18.Kua, op.cit., ms48

Rajah 5B:Rancangan T.V. Yang Berbahasa Cina Menerusi Siaran RTM2, TV3 dan SBC 8

| Hari | RTM 2 | TV3 | SBC 8 |
|---|---|---|---|
| Isn | Drama 6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Drama 6-7pm | Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-10.30pm<br>Drama 10.30-11.30pm |
| Sel | Drama 6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Drama 6-7pm | Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-10.30pm<br>Rencana10.30-11.00pm<br>Drama 11.30-12.00pm |
| Rab | Drama 6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Drama 6-7pm | Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-10.30pm<br>Drama 10.30-12.30pm |
| Kha | Drama 6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Drama 6-7pm | Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-10.30pm |
| Jum | Hiburan6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Hiburan6-7pm | Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-10.30pm<br>Drama 10.30-11.30pm |
| Sab | Berita 7-7.30pm | Drama 5-7pm | Kartun 3.00-3.30pm<br>Rencana 3.30-4.00pm<br>Hiburan 4.00-4.45pm<br>Drama 4.45-5.40pm<br>Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Rencana 9.30-10.15pm<br>Drama 10.15-12.15pm<br>Drama 12.15-01.45am |
| Aha | Drama 3-4.45pm<br>Hiburan 6-7pm<br>Berita 7-7.30pm | Drama 2-4pm | Rencana 9.00-11.00am<br>Drama 11.00-1.00pm<br>Drama 3.15-5.00pm<br>Rencana 5.00-5.30pm<br>Drama 6.45-8.00pm<br>Berita 8.00-8.30pm<br>Hiburan 8.30-9.30pm<br>Drama 9.30-11.15pm<br>Drama 11.15-12.15pm |

## 5.5 Sosialisasi Dan Pemilihan Aliran Pendidikan

Dari huraian di atas, jelas sosialisasi Responden A dan B dari segi tempat lahir, tempat dibesarkan dan jenis pendidikan agak berlainan. Walaupun begitu, kegemaran terhadap pendedahan bahasa media pula tidak menunjukkan perbezaan yang besar (pengaruh ini boleh diabaikan dalam konteks pemilihan aliran pendidikan). Corak sosialisasi yang berbeza ini telah mempengaruhi pemilihan aliran pendidikan anak-anak.

Jumlah anak-anak responden yang masih bersekolah ialah seramai 125 orang. 86 orang merupakan anak-anak Responden A dan 39 orang anak-anak Responden B.

Jadual 5.6: Jumlah Anak Yang Masih Bersekolah

| | Responden A | Responden B |
|---|---|---|
| Tidak Berjawab | 1 - | - - |
| Satu Orang | 5 ( 5x1)= 5 | 2 ( 2x1)= 2 |
| Dua Orang | 15 (15x2)=30 | 3 ( 3x2)= 6 |
| Tiga Orang | 9 ( 9x3)=27 | 4 ( 4x3)=12 |
| Empat Orang | 6 ( 6x4)=24 | 1 ( 1x4)= 4 |
| Lima Orang | - - | 3 ( 3x5)=15 |
| Jumlah | 86 | 39 |

Taburan anak-anak ini mengikut peringkat pendidikan adalah seperti dalam Jadual 5.7 berikut;

Jadual 5.7 menunjukkan lebih dari separuh daripada jumlah anak-anak ini, iaitu seramai 69 orang berada di peringkat rendah, 49 orang di peringkat menengah dan hanya 3 orang di peringkat pengajian tinggi. Ini adalah kerana majoriti responden terdiri dari generasi ibubapa yang masih muda (lihat Bab Dua).

Jadual 5.7: Jumlah Anak Yang Bersekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi

| Responden A | Rendah | Menengah | P.Tinggi |
|---|---|---|---|
| Tiada | 4 - | 12 - | 34 - |
| Satu Orang | 22 (22x1)=22 | 14 (14x1)=14 | 2 ( 2x1)= 2 |
| Dua Orang | 8 ( 8x2)=16 | 8 ( 8x2)=16 | - - |
| Tiga Orang | 2 ( 2x3)= 6 | 2 ( 2x3)= 6 | - - |
| | 44 | 36 | 2 |

| Responden B | Rendah | Menengah | P.Tinggi |
|---|---|---|---|
| Tiada | - - | 4 - | 10 - |
| Satu orang | 5 ( 5x1)= 5 | 6 ( 6x1)= 6 | 1 ( 1x1)= 1 |
| Dua orang | 6 ( 6x2)=12 | 2 ( 2x2)= 4 | - - |
| Tiga orang | - - | 1 ( 1x3)= 3 | - - |
| Empat orang | 2 ( 2x4)= 8 | - - | - - |
| | 25 | 13 | 1 |

Taburan murid-murid ini berdasarkan jenis aliran pendidikan adalah seperti di dalam Jadual 5.8 di bawah;

Jadual 5.8: Bahasa Pengantar Sekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi Aanak-anak Responden

| | Sek.Rendah | | Sek.Menengah | | Peng.Tinggi | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Res.A | Res.B | Res.A | Res.B | Res.A | Res.B |
| Tiada | - | - | 9 | 5 | 29 | 11 |
| Bahasa Malaysia | - | 13 | 17 | 8 | - | 2 |
| Bahasa Inggeris | - | - | 3 | - | 3 | - |
| Bahasa Cina | 36 | - | 7 | - | 4 | - |
| Jumlah | 36 | 13 | 36 | 13 | 36 | 13 |

Dari Jadual 5.8 didapati bahawa ibubapa yang memilih pendidikan Cina untuk anak-anak di peringkat rendah, majoritinya mengubah aliran di peringkat menengah; 17 orang responden menunjukkan yang anak-anak mereka mengikuti pendidikan Kebangsaan di peringkat tersebut. Hanya 7 orang responden sahaja yang meneruskan pendidikan anak-anak di sekolah menengah swasta Cina. Terdapat 3 orang responden yang menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris di Singapura. Peringkat pengajian tinggi pula menunjukkan

tiada anak-anak Responden A yang berjaya memasuki institusi pengajian kerajaan, 4 orang menerima pendidikan tinggi Cina; Singapura atau Taiwan dan 3 orang di pusat pengajian swasta tempatan.

Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan untuk peringkat rendah pula menunjukkan majoriti yang berada di peringkat menengah masih kekal dengan pendidikan Kebangsaan. Begitu juga dengan mereka yang mempunyai anak-anak di peringkat pengajian tinggi juga turut kekal dengan pendidikan Kebangsaan. Keadaan ini wujud kerana pendidikan Kebangsaan di peringkat rendah tidak ada pilihan untuk mengikuti pendidikan menengah Cina. Seterusnya, mereka yang berpendidikan menengah Kebangsaan mempunyai peluang yang lebih luas untuk memasuki pusat pengajian tinggi kerajaan (jika mereka layak); berbanding dengan mereka yang berpendidikan menengah Cina, yang tidak berpeluang langsung.

Di sini terbukti bahawa pemilihan aliran pendidikan amat penting. Pendidikan Kebangsaan sejak peringkat rendah akan memberi peluang yang lebih untuk mengikuti pendidikan di peringkat yang lebih tinggi kerajaan.

## 5.6 Kesimpulan

Pada peringkat awalnya, hipothesis yang saya sarankan ialah bahawa, corak sosialisasi, sama ada dari tempat dilahirkan, dibesarkan, pendidikan serta aliran media massa yang didedahkan mempunyai darjah yang berlainan di antara ibubapa yang memilih pendidikan Cina dan Kebangsaan. Namun demikian, data yang diperoleh kurang menyokong hipothesis ini. Walaupun ibubapa yang memilih pendidikan Cina menunjukkan corak sosialisasi yang agak

terhad dari segi interaksi antara etnik. Mereka juga, majoritinya disosialisasikan di sekolah Cina dan secara amnya terdedah kepada bentuk media yang lebih banyak berpengantarkan bahasa Cina.

Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan untuk anak-anak mereka juga tidak banyak menunjukkan corak sosialisasi yang berlainan dari ibubapa yang memilih pendidikan Cina. Walau bagaimana pun, separuh dari mereka (Responden B) memperlihatkan sosialisasi latar-belakang yang membenarkan interaksi antara etnik. Tetapi pada keseluruhannya, sosialisasi pendidikan dan media massa tidak memberi gambaran yang selaras dengan hipothesis yang dicadangkan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor 'ethnicism' yang diketengahkan oleh Dr.Tan Chee-Beng(19); khasnya dalam persoalan kegemaran aliran bahasa media, di mana aspek etnisiti komunal dijadikan sebagai ideologi untuk kelakuan sosial(20). Oleh itu, pemilihan aliran media berbahasa Cina merupakan sesuatu yang wajar (contoh lain ialah tidak menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa perbualan sesama sendiri juga menunjukkan 'ethnicism' ini).

---

19.Tan, Chee-Beng,'Acculturation,Assimilation and Integration', op. cit., ms.20
20.Loc.cit.

# BAB ENAM

# HUBUNGAN JARINGAN SOSIAL

## 6.1 Pengenalan

Saya telah menunjukkan di dalam Bab Lima bahawa corak sosialisasi yang berlainan sedikit sebanyak mempunyai kesan ke atas pemilihan aliran pendidikan. Bab ini akan melihat hubungan jaringan sosial semasa responden dan kaitannya dengan pemilihan aliran pendidikan anak-anak. Jaringan sosial akan didekati menurut kadar pendedahan seseorang individu kepada kelompok etnik lain melalui setting pendidikan dan kerjaya. Sementara itu hubungan sosial di kawasan tempat tinggal dan tempat kerja serta persatuan sosial yang dianggotai juga akan ditinjau.

## 6.2 Pendedahan Antara Etnik

Penentu-penentu yang membawa kepada darjah kemesraan di antara seorang individu dengan individu yang lain bergantung kepada empat faktor; kecantikan fizikal, keeratan (proximity), kebiasaan (familiarity) dan kesamaan (similarity)(1). Untuk kajian ini, hanya tiga daripada penentu di atas akan dibincangkan, iaitu, keeratan, kebiasaan dan kesamaan. Kecantikan fizikal dikecualikan kerana penentu ini sangat subjektif; sesuatu yang 'cantik' untuk satu pihak mungkin tidak dianggap sedemikian oleh pihak yang lain. Lagipun, kriteria ini biasanya melibatkan jantina yang berlainan untuk membuat penilaian. Oleh itu, penentu kecantikan tidak relevan dalam soal ini.

Menurut Atkinson, mereka yang tinggal berhampiran, selalu dapat bertemu, dan sering saling berinteraksi di antara satu sama lain membentuk darjah kemesraan yang lebih tinggi berbanding

1.Atkinson,R.L., *op. cit.*, ms. 588-592

dengan mereka yang tidak berpeluang untuk berbuat demikian(2). Contohnya kajian Festinger, Schachter dan Back (1950) membuktikan bahawa pola persahabatan erat berlaku lebih tinggi di kalangan jiran yang duduk berhampiran, berbanding dengan mereka yang tidak duduk behampiran(3).

Kebiasaan juga dapat memupuk darjah kemesraan yang tinggi, iaitu pengaruh 'kebiasaan memupuk kemesraan' (familiarity breeds liking effect). Dalam kajian Zajonc(1968), subjek didedahkan dengan kerap kepada beberapa keping gambar; muka yang lebih biasa dilihatnya akan lebih disukai berbanding dengan gambar yang tidak biasa dilihat(4). Begitu juga dengan kesan interaksi yang lebih biasa akan membawa kepada darjah kemesraan yang lebih tinggi(Zajonc & Moreland 1979 dan Wilson 1979)(5).

Kesamaan juga sangat berpengaruh dalam menentukan tahap kemesraan seseorang individu dengan individu yang lain. Rubin telah membuktikan di dalam kajiannya bahawa dua individu yang mempunyai latarbelakang sosial (contohnya status sosial, tahap pendidikan, peringkat umur yang sama dan sebagainya) dan aspek psikologikal yang sama(minat, pandangan luar, sentimen yang sama) akan lebih tertarik kepada satu sama lain berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kesamaan ini (Rubin 1973). Beberapa kajian yang lain juga membawa penemuan yang sama (Hill, Rubin dan Peplau 1976; Berscheid dan Walster 1974) (6).

---

2.Atkinson, R.L., op. cit., ms. 589
3.Loc.cit.
4.Ibid., ms. 590
5.Loc.cit.
6.Ibid., ms. 591

Berdasarkan kepada huraian di atas, pendedahan antara kelompok etnik melalui hubungan jaringan sosial yang kerap boleh menimbulkan keeratan, kebiasaan dan kesamaan. Darjah kemesraan yang tinggi seterusnya dapat mempelihara semangat perpaduan yang sihat, sementara dapat mengurangkan sikap-sikap yang negatif, seperti stereotaip dan prasangka.

Huraian berikut akan melihat corak pendedahan yang dialami oleh responden melalui hubungn jaringan sosial pendidikan yang dilalui dan bidang kerjaya yang diceburi.

Untuk memudahkan kefahaman tentang pendekatan ini, setiap individu (responden) akan dikategorikan menurut tahap pendidikan yang diterimanya (mereka yang tidak pernah menerima pendidikan dikecualikan), dan jenis bidang pekerjaan.

Dalam susunan kategori ini, tiga peringkat pendedahan dikenal-pasti; dua peringkat pendidikan akan diambilkira: pendidikan rendah dan pos-rendah (termasuk menengah, tertiari, latihan dan kursus-kursus). Peringkat ketiga ialah pekerjaan.

Pendedahan di sini membawa erti 'peluang untuk berinteraksi dengan kelompok etnik lain'. Pendedahan akan dibahagikan kepada dua; 'pendedahan positif' atau 'pendedahan yang luas' dan 'pendedahan negatif' atau 'pendedahan yang terhad'. Pendedahan positif membawa erti peluang berinteraksi dengan kelompok etnik lain yang tinggi, contohnya seseorang individu yang menerima pendidikan kebangsaan akan mempunyai peluang untuk bergaul dengan kelompok etnik yang lain berbanding dengan mereka yang tidak menerima pendidikan kebangsaan. Begitu juga halnya untuk bidang pekerjaan.

Apabila seseorang itu mempunyai rakan sejawat yang terdiri daripada ahli kelompok etnik lain, secara langsungnya, peluang interaksi juga akan menjadi lebih tinggi. Sebaliknya mereka yang tidak mempunyai rakan sejawat sedemikian akan memperolehi pendedahan negatif atau terhad.

Terdapat enam kemungkinan yang berlainan. Keenam-enam kemungkinan ini akan dinamakan Kemungkinan A, B, C, D, E dan F(lihat Rajah 6A).

i. Kemungkinan A adalah contoh yang 'ideal' untuk tujuan integrasi kaum di Malaysia. Semua individu dalam kemungkinan ini menyertai sekolah kebangsaan di peringkat rendah, menengah dan tertiari, dan seterusnya bekerja di tempat yang membenarkan interaksi antara kelompok etnik lain. Peluang untuk interaksi pada tiga-tiga tahap ini adalah berbentuk positif.

ii. Kemungkinan B merupakan satu contoh yang sangat ekstrim di mana pendedahan antara kelompok etnik adalah paling minimum, atau tiada langsung. Di peringkat sekolah rendah, individu di dalam kemungkinan ini didaftarkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina(SRJKC) dan seterusnya menyambung pendidikan menengah dan keatas di sekolah atau institusi yang mengguna bahasa pengantar Mandarin; iaitu yang dikendalikan oleh pihak swasta. Dengan berlatar-belakangkan pendidikan sedemikian, mereka akan lebih cenderung untuk bekerja dalam suasana yang terhad kepada etnik sendiri sahaja. Memandangkan pendedahan kepada kelompok etnik lain amat terhad dalam kemungkinan ini, ketiga-tiga peringkat berbentuk negatif.

iii. Kemungkinan C, individu dalam kategori ini menerima pendidikan vernakular di peringkat sekolah rendah. Pendedahan di peringkat ini adalah terhad. Dalam pendidikan menengah dan keatas, pendedahan yang diterima lebih luas kerana dapat bercampur-gaul di sekolah-sekolah kebangsaan. Individu menukar kepada pendidikan kebangsaan atas sebab-sebab berikut:

a. tiada pilihan lain, contohnya tiada sekolah menengah Cina di satu-satu tempat itu,
b. tidak berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran dalam bahasa ibunda, (harus lulus peperiksaan khas dahulu untuk melayakkan diri untuk mengikuti pendidikan menengah Cina),
c. tidak berkemampuan untuk meneruskan pendidikan menengah dalam aliran Cina kerana yuran yang tinggi(sekolah swasta)
d. pilihan sendiri atas sebab-sebab lain (seperti untuk mengambil peperiksaan SRP, SPM dan STPM).

Seterusnya, mereka memperoleh pendedahan luas dalam pekerjaan.

5.2 Sosialisasi Dari Aspek Latar-belakang Responden

Menurut Chai Hon-Chan, bahasa merupakan satu unsur penting yang membentuk personaliti. Individu Cina yang berpendidikan Kebangsaan lebih fasih dalam Bahasa Malaysia berbanding dengan bahasa-bahasa lain dijangka mempunyai nilai budaya yang lebih berbentuk Malaysia, sementara nilai tradisi Cina mereka semakin disalut dengan nilai yang baru ini(5). Sebelum meninjau latar-belakang pendidikan responden, saya akan melihat latar-belakang sosial mereka dahulu, dari segi tempat dilahirkan dan tempat dibesarkan. Tujuan ini dilakukan ialah untuk meninjau sama ada konteks sosial yang dialami menggalakkan sebarang interaksi dengan kelompok etnik yang lain, yang dijangka menggalak mereka mempelajari dan mengguna bahasa lain (selain dari bahasa Cina).

Jadual 5.1: Ciri Tempat Lahir & Dipersepsikan Responden

| | Reponden A | | Responden B | |
|---|---|---|---|---|
| | T.Lahir | T.Besar | T.Lahir | T.Besar |
| | Bil.( %) | Bil.( %) | Bil.( %) | Bil.( %) |
| Tidak Berjawab | 2 ( 6) | 3 ( 8) | - - | - - |
| Bandar Cina | 27 (74) | 28 (78) | 6 (46) | 5 (38) |
| Bandar Majmuk | 4 (11) | 3 ( 8) | 6 (46) | 7 (54) |
| Luarbandar Cina | 2 ( 6) | 1 ( 3) | - - | - - |
| Luarbandar Majmuk | 1 ( 3) | 1 ( 3) | 1 ( 8) | 1 ( 8) |
| Jumlah | 36(100) | 36(100) | 13(100) | 13(100) |

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden dilahirkan serta dibesarkan di bandar-bandar Cina; iaitu 33 daripada 49 orang responden. Ibubapa yang memilih pendidikan Cina (Responden A) memiliki peratusan yang lebih tinggi dalam aspek ini, iaitu 74% dan 78% untuk tempat dilahirkan dan dibesarkan berbanding dengan 46% dan 38% bagi ibubapa yang memilih pendidik-

5.Chai, Hon-Chan, op. cit., ms. 65-6

iv. Kemungkinan D menunjukkan corak pendidikan rendah yang berbentuk vernakular, pendedahan negatif, tetapi pendedahan di peringkat menengah dan tertiari di institusi-institusi kebangsaan menggalakkan pendedahan luas. Namun demikian, pada peringkat pekerjaan, individu dalam kemungkinan ini kembali kepada suasana yang tidak menggalakkan pendedahan luas.

v. Kemungkinan E melihatkan corak pendidikan yang membenarkan pendedahan terhad untuk kedua-dua tahap rendah dan menengah dan tertiari. Sebaliknya dalam pekerjaan pula menunjukkan pendedahan positif.

vi. Kemungkinan F mirip Kemungkinan A, iaitu pendedahan yang luas pada kedua-dua peringkat rendah serta menengah dan tertiari tetapi pada peringkat pekerjaan melihatkan pendedahan yang terhad.

### 6.2.1 Fungsi Dan Penemuan Tipologi Pendedahan Antara Etnik

Kegunaan utama tipologi ini ialah untuk mengkategorikan responden kajian ke dalam kemungkinan-kemungkinan di atas, dan cuba melihat kecenderungan para responden. Penemuan kajian ini melahirkan satu corak yang sangat jelas di kalangan ibubapa yang memilih pendidikan vernakular Cina.

Dari 36 orang Responden A, cuma seorang sahaja yang tidak menerima pendidikan langsung. Jaringan Sosial menurut tahap pendidikan dan pekerjaan mengikut pecahan kategori bagi 35 orang responden yang lain adalah seperti dalam Jadual 6.1.

Dari penemuan ini dapat dilihat bahawa sebahagian besar daripada ibubapa yang mendaftar anak-anak di sekolah Cina adalah dalam golongan B dan D (15 dan 12 orang masing-masing), iaitu golongan-golongan yang mempunyai pendedahan antara kelompok etnik yang sangat terhad.

Jadual 6.1: Pola Jaringan Sosial Responden Pada Tahap Persekolahan & Pekerjaan

| | Responden A Bil. | Responden A % | Responden B Bil. | Responden B % |
|---|---|---|---|---|
| Kemungkinan A | 2 | 6 | - | - |
| Kemungkinan B | 15 | 43 | 3 | 23 |
| Kemungkinan C | 1 | 3 | - | - |
| Kemungkinan D | 12 | 34 | 4 | 31 |
| Kemungkinan E | 2 | 6 | 3 | 23 |
| Kemungkinan F | 3 | 8 | 3 | 23 |
| Jumlah | 35(100) | | 13(100) | |

Rajah 6A : Pendedahan Antara Etnik

| Kemungkinan | Tahap Pendedahan | Tipologi Pendedahan |
|---|---|---|
| A | Pendidikan Rendah | Positif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Positif |
| | Pekerjaan | Positif |
| B | Pendidikan Rendah | Negatif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Negatif |
| | Pekerjaan | Negatif |
| C | Pendidikan Rendah | Negatif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Positif |
| | Pekerjaan | Positif |
| D | Pendidikan Rendah | Negatif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Positif |
| | Pekerjaan | Negatif |
| E | Pendidikan Rendah | Negatif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Negatif |
| | Pekerjaan | Positif |
| F | Pendidikan Rendah | Positif |
| | Pendidikan Pos-rendah | Positif |
| | Pekerjaan | Negatif |

Ini menunjukkan satu suasana yang kurang `positif' dalam pendedahan antara kelompok etnik yang dialami Responden A. Lebih 2/3 (77%) dari jumlah responden tergolong dalam jaringan sosial yang hanya terdiri dari kelompok etnik sendiri sahaja. Kesemua ini memperlihatkan segregasi dari segi pergaulan antara etnik yang agak ketara. Majoriti responden telah melalui pendidikan Cina di peringkat rendah. Dari sejak peringkat awal ini telah wujud satu bentuk segregasi yang berciri `sukarela'. Seterusnya sebilangan besar, 17 orang kekal dengan pendidikan Cina pada peringkat menengah. Untuk peringkat kerjaya selanjutnya, mereka mendapati sukar untuk memasuki tempat pekerjaan yang berbilang kaum; hanya dua orang responden sahaja yang bekerja dalam kerjaya yang membolehkan interaksi antara etnik (Kemungkinan E), selainnya kekal dalam bentuk segregasi (Kemungkinan B). Tiada seorang pun dari mereka yang bekerja dalam sektor awam. Ini kerana kelulusan pendidikan Cina mereka tidak diterima oleh kerajaan; hanya pihak swasta Cina sahaja yang mengiktiraf kelulusan mereka. Segregasi yang wujud ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh langkah kerajaan yang tidak mengiktiraf kelulusan Cina.

Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan tidak menunjukkan sebarang kecenderungan di dalam mana-mana kategori. Apa yang jelas ialah tiada seorang pun responden yang berpeluang untuk mendapatkan pendedahan yang luas pada peringkat persekolahan rendah dan menengah (Kemungkinan A dan C). Hanya 3 orang responden yang memperolehi pendedahan luas pada peringkat rendah dan menengah (Kemungkinan F), dan 3 orang responden yang memperolehi pendedahan luas pada peringkat pekerjaan (Kemungkinan E).

Penemuan di atas membuktikan bahawa corak pendedahan semasa di alam persekolahan dan pekerjaan tidak mempunyai kesan yang sangat ketara dalam pemilihan aliran pendidikan untuk anak-anak. Namun demikian, apa yang menarik di sini ialah terdapat kecenderungan ibubapa yang memilih pendidikan Cina. Mereka menunjukkan satu pola pendedahan yang agak 'negatif' secara keseluruhannya. Bagi ibubapa yang mendaftar anak-anak di sekolah Kebangsaan pula tidak menunjukkan kecenderungan ini. Taburannya lebih rata.

## 6.3 Hubungan Jaringan Sosial Kawasan Tempat Tinggal

Dalam Bab Lima saya telah menunjukkan yang majoriti responden dilahir dan dibesarkan di kawasan yang kurang menggalakkan interaksi antara etnik. Di sini perhatian akan ditumpukan kepada suasana pendedahan antara etnik di kawasan tempat tinggal pula.

Komuniti Cina Malaysia kini tidak lagi merupakan kumpulan yang dominan dalam kependudukan kawasan bandar, berbanding dengan 10 tahun yang lepas(7). Anggaran 1990 menunjukkan kelompok etnik Melayu lebih ramai yang terdapat di kawasan bandar, 2.9 juta orang(45.6%), Cina, 2.8 juta(43.7%), India, 0.6juta(10.1%) dan lain-lain, 0.04juta(0.6%) (lihat Lampiran 6A).

Selaras dengan keseimbangan pengagihan kawasan kependudukan ini, badan-badan kerajaan telah menggariskan panduan yang menggalakkan interaksi antara etnik. Contohnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam deraf pelan strukturnya mengambilkira perlunya mengikis polirisasi kaum berdasarkan tempat tinggal, dan pada masa yang sama memupuk integrasi etnik dalam suasana yang membolehkan

7. Rancangan Malaysia Kelima, ms155

lehkan interaksi 'intra' dan 'inter' etnik(8).

Johor Bahru juga memperlihatkan bahawa usaha-usaha ini dijalankan. Kebanyakan kawasan perumahan yang baru kini terdiri dari berbagai etnik. Namun demikian, kawasan-kawasan perumahan yang sedia wujud kurang menunjukkan corak-corak ini. Contohnya kawasan perumahan Taman Century, Taman Tebrau, Taman Sentosa dan beberapa kawasan lain didominasi oleh kumpulan etnik Cina. Manakala kawasan-kawasan seperti Kampung Melayu, Majidee, Kampung Dato Onn, Kampung Kurnia dan sebagainya adalah hanya terdiri dari kumpulan etnik Melayu sahaja.

Bagi para responden pula, secara keseluruhannya mereka tinggal di kawasan perumahan yang kurang menggalakkan interaksi antara etnik.

Jadual 6.2:Hubungan Jaringan Sosial Kawasan Kependudukan

| | Responden A Bil. | % | Responden B Bil. | % |
|---|---|---|---|---|
| Tidak Berjawab | 1 | 3 | - | - |
| Kesemuanya Cina | 9 | 25 | - | - |
| Kebanyakkannya Cina | 19 | 53 | 10 | 77 |
| Berbagai Etnik | 7 | 19 | 3 | 23 |
| Jumlah | 36(100) | | 13(100) | |

Jadual 6.2 atas jelas menunjukkan bahawa hanya 10 dari 49 orang responden tinggal di tempat yang terdapat berbagai kumpulan etnik. Yang lain, ibubapa yang memilih pendidikan Cina secara amnya , terdapat sembilan orang(25%) duduk di kawasan yang hanya terdiri dari etnik Cina sahaja. Lebih dari separuh, 19 orang(53%) menyatakan kawasan jiran tetangga mereka kebanyakannya terdiri

8.Dewan Bandaraya,'Kuala Lumpur Draft Structure Plan'1982,ms.127

dari kaum Cina.

Ibubapa yang memilih pendidikan Kebangsaan pula tiada yang tinggal di kawasan kumpulan etnik Cina sahaja. Sebilangan besar mereka, 10 orang(77%) tinggal di kawasan yang kebanyakannya terdiri dari penduduk Cina. Hanya 3 orang(23%) yang mengaku jiran tetangga mereka terdiri dari berbilang kaum.

Penemuan di sini bukan sahaja menampakkan yang hubungan jaringan sosial para responden tidak menggalakkan interaksi antara etnik, tetapi juga adalah kontra dengan hipothesis yang disarankan memandangkan tiada banyak perbezaan di antara kedua kategori responden dalam aspek ini. Dengan lain perkataan, jaringan sosial di peringkat kawasan tempat tinggal ini tidak menunjukkan hubungan yang erat dengan pemilihan aliran pendidikan anak-anak.

## 6.4 Hubungan Jaringan Sosial Tempat Kerja

Dalam setting sosial di tempat pekerjaan responden juga menunjukkan hubungan yang agak terhad kepada komuniti sendiri sahaja. Jadual 6.3 menunjukkan 38 (78%) dari 49 orang responden bekerja di tempat-tempat yang terdiri dari anggota kelompok etnik Cina sahaja. Hanya 8 orang(16%) yang menyatakan tempat kerja mereka membenarkan interaksi antara etnik yang luas.

Jadual 6.3: Hubungan Jaringan Sosial Dalam Kerjaya

| | Responden A Bil. | Responden A % | Responden B Bil. | Responden B % |
|---|---|---|---|---|
| Tidak Berjawab | 3 | 8 | - | - |
| Kesemuanya Cina | 7 | 19 | - | - |
| Kebanyakkannya Cina | 21 | 59 | 10 | 77 |
| Berbilang Etnik | 5 | 14 | 3 | 23 |
| Jumlah | 36(100) | | 13(100) | |

Penemuan ini boleh dijelaskan dengan beberapa faktor. Pertama, sebilangan besar responden pernah memperolehi pendidikan Cina. Mereka inilah, menurut Chai Hon-Chan, `recruit' industri dan perniagaan Cina(9). Majikan responden sebahagian besarnya terdiri dari pihak swasta Cina, ini memperkukuhkan lagi fakta ini (lihat Bab Dua). Dari perspektif mutu kerja pula, telah terbukti dari kajian Halim Salleh et al., bahawa pekerja Cina dianggap dan distereotaip sebagai mempunyai nilai ekonomi yang lebih tinggi menurut kriteria pelajaran, kemahiran dan etika pekerjaan(10). Ini memang menggalakan pihak majikan swasta Cina khasnya (yang bersikap kapitalis dalam pencapaian kejayaan)(11) untuk mengambil mereka ini dalam industri masing-masing. Faktor-faktor inilah yang menyumbang kepada unsur homogeneiti dalam alam pekerjaan responden.

Sekali lagi aspek ini tidak menampakkan perbezaan di antara ibubapa yang memilih aliran pendidikan yang berlainan untuk anak-anak.Responden dalam kedua kategori menunjukkan pendedahan kepada anggota kelompok etnik lain yang agak terhad. Boleh dirumuskan di sini bahawa corak interaksi di tempat pekerjaan tidak mempunyai kesan dalam pemilihan aliran pendidikan anak-anak.

## 6.5 Hubungan Jaringan Sosial Keanggotaan Persatuan Sosial

Seperti dua setting tempat tinggal dan tempat pekerjaan yang dibincangkan di atas, setting penyertaan persatuan sosial juga akan memperlihatkan corak interaksi antara etnik yang ada.

---

9.Chai, Hon-Chan, <u>op. cit.</u>, ms. 40
10.Halim Salleh, et al., <u>op. cit.</u>, ms. 129
11.Gosling,Peter, <u>op. cit.</u>, ms. 9

Namun demikian, kriteria ini tidak dapat memberi satu gambaran yang kukuh untuk mempertahankan pengaruh hubungan jaringan sosial dalam penyertaan persatuan dengan pemilihan aliran pendidikan. Ini kerana bilangan responden yang menganggotai sebarang persatuan amat kecil, iaitu hanya 12 orang(24%) sahaja yang menyertai persatuan manakala 37 orang(76%) lagi tidak. Jenis persatuan yang disertai serta corak keanggotaannya adalah seperti berikut (Jadual 6.4);

Jadual 6.4:Hubungan Jaringan Sosial Dalam Penyertaan Persatuan

